

Sosialis



BERSIH

BERANI

BERPRINSIP

BERJIWA RAKYAT

**PSM TAWARKAN
CALON BERKUALITI**

baca lanjut di m/s 8 & 9



**Kapitalis
ancam Bumi**

> m/s 4



**Kisah perjuangan
Ladang Semenyih**

> m/s 10 & 11

**Cabaran wanita
kelas pekerja
belum selesai**

> m/s 6

**Harga rumah
perlu dikawal**

> m/s 12

Pilihanraya umum Belanda

> m/s 14

**Laksanakan Skim Insurans Pekerjaan
sekarang juga**

baca lanjut di m/s 16

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM)

adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah gengaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



Matlamat PSM

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan pencapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.

★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.

★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinaan.

★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibu pejabat PSM:
Parti Sosialis Malaysia
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel/Faks: 03-22762247
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.
<https://gabungkiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Setelah bertahun-tahun menuntut satu tabung khas untuk melindungi pekerja yang diberhentikan kerja akibat syarikat bankrap, dan juga satu kempen yang intensif dijalankan dalam 2 tahun yang lepas ini, akhirnya pekerja Malaysia dapat melihat sedikit harapan apabila kerajaan bercadang untuk melaksanakan Skim Insurans Pekerjaan (SIP). Ini bukannya sesuatu yang jatuh dari langit begitu sahaja, tetapi merupakan satu hasil perjuangan pekerja yang berterusan.

Walau bagaimanapun, rang undang-undang berkenaan dengan SIP masih belum lagi dibentangkan dalam Parlimen, dan tentangan daripada golongan kapitalis seperti Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) masih sangat kuat. Oleh itu, usaha kita untuk memastikan pelaksanaan SIP tidak boleh berhenti setakat ini. Lagipun, rancangan kerajaan untuk melaksanakannya pada tahun 2018 sebenarnya merupakan satu tempoh yang agak lama. Ekonomi negara kita sedang menghadapi masalah yang mendalam dengan krisis ekonomi global semakin menjadi-jadi. Berapa ramai lagi pekerja yang hilang kerja akan terjebak dalam perangkap kemiskinan sebelum SIP dilaksanakan? Tambahan pula, jangan juga kita lupa pada ramai pekerja yang kehilangan kerja sebelum ini yang masih tidak terbela nasib mereka.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah

giat memperjuangkan isu-isu pekerja dan rakyat marhaen, sejak sebelum parti ditubuhkan lagi apabila kumpulan aktivis yang mengasaskan parti telah melibatkan diri dalam gerakan perjuangan pekerja ladang dan peneroka bandar. Kempen-kempen yang membawa tuntutan seperti pelaksanaan gaji minimum, Tabung Pemberhentian Kerja, pertahankan hospital awam daripada penswastaan, rumah selesa untuk semua, pendidikan percuma, menentang dasar-dasar neoliberal yang memiskinkan rakyat dan sebagainya, telah digerakkan oleh PSM selama ini walaupun PSM hanya sebuah parti yang kecil dan tidak mempunyai banyak sumber dana kewangan.

Dalam situasi politik negara yang tidak menentu ini, PSM cuba menampilkan dan menawarkan satu alternatif baru yang menjurus pada usaha memperkasakan rakyat untuk memperjuangkan keadilan sosial. Alternatif politik yang benar-benar memanfaatkan rakyat, adalah alternatif yang dibina melalui penyertaan rakyat yang mempunyai kesedaran kelas, bukannya oleh elit-elit politik yang membuat percaturan untuk kepentingan golongan atasan.

PSM sentiasa percaya bahawa hanya rakyat yang dapat mengubah nasib rakyat itu sendiri dan membawa perubahan yang benar-benar membebaskan golongan tertindas daripada sebarang bentuk penindasan. ##



Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, ■
■ maka anda boleh berlanggan terus dengan kami. ■

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 ■
■ keluaran akhbar **SOSIALIS** Bahasa Melayu) ■

■ Nama: _____

■ Alamat: _____

■ _____

■ Telefon: _____

■ Faks: _____

■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
■ **140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields**
■ **50470 Kuala Lumpur**

■ Tel/Faks: 03-22762247

■ Laman web: <http://partisosialis.org/>

Kenapa PSM Cameron Highlands akan bertanding dalam PRU-14?

oleh **Suresh Kumar**
(Setiausaha PSM Cameron Highlands)

Saya ingin mengulas sedikit kenapa PSM Cameron Highlands akan bertanding untuk kerusi Parlimen Cameron Highlands dalam PRU-14 akan datang.

Sudah hampir 14 tahun PSM Cameron membuat kerja-kerja organisasi rakyat dan aktivisme di Cameron Highlands. Kali ini PSM akan menilai pandangan pengundi Cameron sama ada aktivisme dan organisasi rakyat boleh dibawa satu langkah ke depan atau tidak, dengan memenangi kerusi P078 Parlimen Cameron Highlands.

Sepanjang 14 tahun yang lepas, PSM Cameron telah buat kerja tanpa sebarang jawatan dan dana; tetapi hanya bergantung pada sumbangan dan sokongan rakyat. Jika PSM kalah dalam PRU-14, ini bukan bererti kami akan menghilangkan diri. Kami akan wujud selagi rakyat Cameron Highlands ditindas dan penduduk Cameron masih dimiskinkan oleh usaha-usaha atau dasar-dasar yang dibuat oleh golongan berkuasa.

Kami tidak seperti calon-calon pembangkang lain di Cameron Highlands yang hanya tunjuk muka semasa pilihanraya umum (PRU) dan kemudian hilangkan diri. Kami juga bukan seperti calon-calon BN yang menganggap PRU sebagai waktu untuk

sandiwara berjabat tangan, bersalam, berpeluk, minum teh, main futsal, buat kenduri, hadirkan diri di masjid, tokong, kuil dan gereja untuk pancing undi.

Waktu PRU ialah waktu untuk membawa isu-isu seperti rakyat, alam sekitar dan pembangunan ke tengah-tengah meja perbincangan. Isu-isu seperti kesesakan lalulintas di Kea Farm, hutan yang semakin hilang di Blue Valley, banjir kilat di Brinchang, pengera di diusir paksa di Kea Farm, pelebaran sungai di Ringlet, petani kecil tanpa hakmilik tanah di Kg Raja, rakyat biasa tidak berupaya beli rumah murah di Tanah Rata dan sebagainya, perlu diketengahkan.

Inilah yang cuba dibawa oleh PSM Cameron, satu budaya politik yang mungkin baru tetapi yang sangat diperlukan oleh rakyat pada takat keadaan negara yang tidak menentu sekarang.

PSM bersedia membawa visi rakyat marhaen yang baru! Berjuang bersama rakyat! ##



Suresh Kumar

Penduduk Kampung Chim Lee diancam pemaju

Penduduk-penduduk Kampung Chim Lee membuat aduan polis di Ibupejabat Polis Daerah Sentul, Kuala Lumpur, pada 1 Mac lalu, terhadap pemaju Syarikat Liberty Triangle Sdn Bhd kerana ancaman pencerobohan dan ugutan terhadap penduduk.

Penduduk-penduduk di Kampung Chim Lee sedang menghadapi ancaman pengusiran paksa daripada pihak pemaju. Sejak kebelakangan ini, penduduk-penduduk Kampung Chim Lee menghadapi gangguan seperti kebakaran berdekatan dengan rumah mereka, pembinaan pagar di

sekeliling kampung dan juga pekerja-pekerja yang diupah pemaju telah mencero boh kawasan kampung untuk memulakan kerja. Semua ini berlaku walaupun kes mahkamah antara penduduk kampung dengan pemaju masih berjalan. Oleh yang demikian, tindakan pemaju adalah tidak sah di sisi undang-undang.

Turut bersama dengan penduduk Kampung Chim Lee semasa membuat aduan polis adalah Arutchelvan (AJK Pusat PSM) dan Soh Sook Hwa (Bendahari PSM). ##



Pelancaran buku Batu Arang 1937


Pada 26 Mac yang lalu, PSM telah menyambut ulangtahun ke-80 perjuangan mogok pekerja Batu Arang tahun 1937 dengan pelancaran sebuah buku yang mengisahkan episod sejarah tersebut.

Dalam satu majlis ringkas yang telah diadakan di Bandar Batu Arang, Selangor, lebih 50 orang hadirin telah mengenang semula perjuangan pekerja pada 80 tahun dahulu. Buku yang dilancarkan itu bertajuk “Batu Arang 1937”, dan ditulis oleh Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM.

Inspirasi untuk menulis buku ini telah timbul apabila Kerajaan Negeri Selangor berusaha untuk menjadikan Bandar Batu Arang ini sebagai sebuah Bandar Bersejarah. Lokasi-lokasi utama perlombongan Batu Arang dan binaan-binaan rumah dan pejabat utama telah dikenalpasti, kemudiannya didirikan papan tanda makluman untuk para pelawat. Tetapi, sejarah tersebut seolah-olah diceritakan daripada kaca mata pandangan pihak penjajah British dan syarikat tuan punya lombong, Malayan Collieries. Sejarah perjuangan pekerja perlombongan yang menggagalkan seluruh Malaya pada tahun 1937 langsung tidak diceritakan.

Oleh yang demikian, PSM sebagai sebuah parti kelas pekerja, telah mengambil usaha menulis buku mengenai sejarah penting ini. Buku “Batu Arang 1937” ini menceritakan tentang bagaimana para pekerja yang menganggotai Kesatuan Pekerja Arang Batu (*Coal Workers Union*) telah melancarkan mogok umum pada 24 Mac 1937 untuk menuntut kenaikan gaji dan kemudahan lain bagi pekerja. Perjuangan ini mencapai kemuncaknya apabila para pekerja mengambilalih pentadbiran lombong itu daripada tuannya kilang dan mengisytiharkan suatu pentadbiran pekerja atau “soviet”.

Pada ketika itu, para pekerjalah yang mengendalikan segala urusan Batu Arang dari segi keselamatan, pengurusan makanan, disiplin, bekalan elektrik dan sebagainya. Pihak British amat terkejut dengan tindakan soviet ini yang membuktikan bahawa kelas pekerja berkemampuan



mentadbir bandar itu dengan efektif.

Sejarah perjuangan ini telah dikongsikan oleh beberapa penduduk dan juga bekas ahli kesatuan, termasuklah Kataiah. Kataiah menegaskan bahawa, sebelum Malaya mencapai kemerdekaan daripada British pada tahun 1957, para pekerja telah “membebaskan Batu Arang” daripada penjajahan British pada tahun 1937.

Sharan Raj, seorang aktivis pelajar amat terharu dengan kerjasama merentasi kaum yang diperlihatkan pada ketika itu, iaitu tahun 1937, di mana pekerja daripada semua kaum dapat bersama dan bersatu sebagai satu kelas pekerja untuk memperjuangkan hak mereka.

Majlis ini juga dimeriahkan dengan kehadiran pekerja lama Malayan Collieries. Antaranya, Palani, seorang pemandu lokomotif pengangkut arang batu pada tahun 1940-an. Beliau menceritakan bagaimana perayaan Hari Buruh pada 1 Mei disambut dengan begitu bersemangat oleh para pekerja Batu Arang .

Pelancaran buku “Batu Arang 1937” ini disempurnakan oleh Dr. Nasir Hashim, Pengerusi PSM. PSM berharap bahawa buku ringkas ini dapat diedarkan dengan seluas-luasnya kepada generasi muda kini, agar mereka mengetahui pengorbanan kelas pekerja terutamanya pekerja Batu Arang.

Buku “Batu Arang 1937” hanya berharga RM 5 senaskah. Sesiapa yang berminat untuk mendapatkan buku ini, sila hubungi 016-2290460. ##

Aksi Hari Pekerja

1 Mei 2017

Kuala Lumpur

“Hilang kerja, pekerja merana!”
“Tabung Pemberhentian Kerja sekarang!”

Malam Dana Perjuangan PSM

20 Mei 2017, Dewan Chin Woo (Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur)
Untuk maklumat lanjut, hubungi 016-2290460

Kapitalis hancur Bumi selamat

22 April setiap tahun merupakan Hari Bumi, satu hari yang amat bermakna dan mengingatkan tentang tanggungjawab kita untuk melindungi satu-satunya planet Bumi yang kita duduki daripada kehancuran pencemaran alam.

Pada tahun 1969, dalam satu persidangan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO), John McConnell, seorang aktivis keamanan telah mencadangkan satu hari sambutan untuk memberi penghormatan kepada Bumi dan konsep keaman dunia. Hari Bumi yang pertama telah disambut pada tahun 1970, kemudiannya disambut di seluruh dunia dengan aktiviti-aktiviti diadakan untuk menyatakan sokongan kepada usaha perlindungan alam sekitar.


Pada tahun lepas, semasa Hari Bumi 2016, Perjanjian Paris yang bersejarah telah ditandatangani oleh lebih 140 buah negara. Perjanjian tersebut merupakan dokumen penting dalam usaha negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menangani masalah perubahan iklim dengan menghadkan pembebasan gas rumah hijau.

Pada tahun ini, di negara Amerika Syarikat, bagi menghadapi Donald Trump, seorang Presiden yang enggan menerima hakikat bahawa perubahan iklim itu satu masalah yang serius kerana dia amat rapat dengan korporat yang mencemar alam sekitar, masyarakat sivil Amerika Syarikat akan menganjurkan aksi "Berarak untuk Sains" (*March for Science*) pada Hari Bumi, diikuti

dengan Mobilisasi Iklim Rakyat (*People's Climate March*) pada 29 April. Di seluruh dunia, kesedaran tentang aktiviti ekonomi yang membebaskan gas rumah hijau sehingga mengancam iklim bumi semakin meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini. Rakyat dunia semakin sedar bahawa kita perlu melakukan usaha yang lebih hebat lagi untuk melindungi alam sekitar daripada kehancuran yang masih berterusan.

Di Malaysia, ancaman terhadap alam sekitar masih berleluasa. Pembalakan yang berleluasa sedang mengancam ekologi hutan tropika kita yang merupakan paru-paru hijau untuk negara kita. Di negeri-negeri seperti Sarawak dan Kelantan, pembalakan telah menghilangkan khazanah hutan yang tidak ternilai, tambahan pula habitat masyarakat Orang Asli dan Orang Asal juga diancam. Pembinaan empangan besar yang menenggelami kawasan hutan yang luas juga mendatangkan ancaman alam sekitar, termasuk pembebasan gas metana daripada pereputan hidupan hutan, yang merupakan salah satu jenis gas rumah hijau.

Isu penjaan tenaga tetap merupakan satu isu yang penting berkaitan dengan alam sekitar. Namun, pendekatan kerajaan negara kita dalam isu tenaga ini tidak meletakkan jaminan kesinambungan alam sekitar dan habitat manusia sebagai keutamaan, sebaliknya



Pencemaran udara

hanya mementingkan kelangsungan ekonomi (iaitu keuntungan golongan kapitalis). Ini termasuklah rancangan untuk membina loji penjaan kuasa nuklear. Walaupun pendukung tenaga nuklear memberi alasan bahawa tenaga nuklear adalah tenaga hijau yang tidak mencemar alam, tetapi sisa-sisa nuklear yang radioaktif akan menjadi ancaman kepada kesihatan rakyat dan alam sekitar sekiranya tidak dikendalikan dengan baik. Walaupun adanya teknologi yang canggih, tetapi daripada pengalaman bencana nuklear di Fukushima, Jepun, pada tahun 2011, jelas menunjukkan bahawa risiko ancaman pencemaran alam oleh penggunaan tenaga nuklear adalah amat besar. Adalah tidak masuk akal untuk negara kita membangunkan

penjaan kuasa nuklear tanpa memberi keutamaan kepada tenaga boleh diperbaharui yang lain seperti tenaga solar, sedangkan negara kita yang berada di Zon Tropika ini disinari cahaya matahari yang amat mencukupi sepanjang tahun.

Sistem ekonomi kapitalis yang beroperasi dengan bermotifkan keuntungan korporat, tidak akan dapat selesaikan masalah alam sekitar kita pada hari ini, sama ada kemusnahan hutan, pencemaran alam sekitar, sehinggalah perubahan iklim bumi. Golongan kapitalis tidak

mempedulikan ekologi alam sekitar kita selagi keuntungan dapat dikumpulkan melalui aktiviti yang menghancurkan alam sekitar. Apabila perlindungan alam sekitar itu menjadi sejenis perniagaan yang menguntungkan, barulah golongan kapitalis juga melaburkan modal dalam usaha ini, bukan dengan niat untuk menyelamatkan bumi tetapi untuk mengaut lebih banyak keuntungan. Oleh yang demikian, sistem kapitalis tidak dapat menawarkan penyelesaian yang sebenar kepada masalah krisis alam sekitar pada hari ini.

Kita hanya ada satu Bumi sahaja untuk kita duduki pada hari ini. Kemungkinan besar juga anak cucu kita tidak dapat lagi berhijrah ke planet Marikh atau planet-planet lain apabila Bumi ini dilanda bencana alam sekitar yang mengancam survival seluruh masyarakat manusia. Namun, kita boleh mengelakkan bencana alam sekitar sekiranya kita bertindak mulai sekarang juga, dengan mengurangkan pembebasan gas rumah hijau, menghentikan aktiviti yang mencemar alam dan mengubah corak kepenggunaan yang membazirkan sumber bumi. Ini hanya dapat dilakukan melalui usaha secara kolektif, bukan hanya terpulang kepada tingkahlaku seorang dua individu sahaja.

Untuk kita mengatasi ancaman krisis alam sekitar, kita perlu melangkaui minda kita yang masih terperangkap dalam sistem kapitalis hari ini. Usaha untuk mempertahankan Bumi kita, juga merupakan sebahagian daripada perjuangan rakyat menentang sistem kapitalis. ##



Kemusnahan hutan

Perjuangan 7 tahun buahkan hasil

Penduduk Kampung Pinang dapat lot rumah

Pada 15 Mac yang lalu, 14 keluarga di Kampung Pinang B, Pusing, Perak, telah disahkan untuk mendapatkan lot tanah kediaman dalam Rancangan Perkampungan Tersusun Kampung Pinang A di Pusing, setelah kesemua mereka telah membayar premium tanah sebanyak RM 868 setiap lot di Pejabat Tanah Batu Gajah.

14 keluarga ini berjuang selama 6 tahun untuk menuntut hak perumahan mereka. M. Saras (Timbalan Pengerusi PSM) dan Segar (Pengerusi PSM Batu Gajah) yang merupakan seorang peguam, telah bersama dengan para penduduk dalam perjuangan mereka untuk mendapatkan lot kediaman setelah mereka kalah di mahkamah pada tahun 2009.

Pada awalnya, lebih kurang 40 keluarga menduduki di kawasan perkampungan ini sejak tahun 1940-an dan kebanyakan mereka merupakan bekas pekerja lombong di kawasan ini. Ramai antara mereka telah berpindah keluar daripada perkampungan ini setelah mereka mendapat pampasan yang sedikit daripada tuan tanah yang juga merupakan sebuah syarikat perumahan. Namun, 14 keluarga enggan berbuat demikian. Pampasan yang ditawarkan pada awalnya memang amat kurang dan tidak mencukupi untuk penduduk mendapatkan rumah alternatif sekiranya mereka berpindah keluar.

Setelah keputusan kes mahkamah



yang tidak berpihak pada penduduk Kampung Pinang B, PSM membawa masalah ini kepada Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2009 dan menuntut pada Kerajaan Negeri supaya mencampurtangan untuk menyelesaikan masalah lot kediaman bagi 14 keluarga ini. Isu ini juga dibawa kepada SUHAKAM. Pihak SUHAKAM pernah mengadakan lawatan dan juga pernah menulis surat kepada pihak kerajaan.

Hasil daripada perjuangan ini, pada 10 April 2013, pihak kerajaan telah mengeluarkan surat tawaran kepada 14 keluarga ini untuk memberikan lot

ganti di kawasan Kampung Pinang A. Setelah itu, beberapa siri perbincangan diadakan antara penduduk dengan Pejabat Tanah dengan kehadiran wakil PSM.

Akhirnya pada bulan Disember 2016, Pejabat Tanah Batu Gajah telah mengenalpasti sebidang tanah di RPT Kampung Pinang A dan para penduduk menerima cadangan itu. Akhirnya pada 9 Mac 2017, Borang 5 A dikeluarkan untuk pembayaran premium tanah dan seterusnya pada 15 Mac 2017, semua 14 keluarga ini telahpun menjelaskan bayaran tersebut. Seterusnya, hakmilik tanah

akan dikeluarkan setelah tanah tersebut diratakan dalam masa yang terdekat oleh pemaju perumahan berkenaan.

Penduduk Kampung Pinang B telah merakamkan terima kasih kepada PSM yang terus bersama dengan mereka sehingga berjaya dalam perjuangan ini. Namun, tanpa ketegasan dan keberanian para penduduk dalam mempertahankan hak perumahan mereka, tidak mungkin mereka akan mencapai kejayaan dalam perjuangan ini. ##

MB Selangor digesa campurtangan

Hentikan perobohan rumah pegawai masjid Lapangan Terbang Subang

Pegawai yang menduduki rumah di perkarangan Masjid Lapangan Terbang Subang dan berkhidmat dengan masjid tersebut untuk lebih 20 tahun sedang menghadapi pengusiran paksa. Dua orang pegawai masjid yang menghadapi

masalah rumah akan dirobohkan itu, telah menyerahkan satu memorandum kepada Pejabat Menteri Besar Selangor pada 7 Mac lalu, dan menuntut pada Azmin Ali, selaku Menteri Besar Selangor, supaya mencampurtangan untuk

menghentikan ancaman perobohan rumah secara paksa.

Malaysian Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menyerahkan surat notis pengosongan untuk menghalau dan merobohkan rumah pegawai masjid tersebut, tanpa mengadakan rundingan terlebih dahulu dengan penghuni rumah. Tindakan menyerahkan notis tersebut mempunyai unsur ugutan dengan menyatakan bahawa penghuni rumah hanya diberi tempoh 14 hari untuk mengesahkan penerimaan tawaran dan mengosongkan premis dan gerai dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh surat akuan itu diterima. Sekiranya pegawai masjid berkenaan tidak menerima tawaran tersebut, maka MAHB akan mengambil tindakan undang-undang di bawah Seksyen 425 Akta Kanun Tanah

Negara, dengan kerjasama daripada Pejabat Tanah dan Galian Persekutuan bersama dengan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.

Persoalan yang diungkitkan oleh pegawai masjid yang menghadapi pengusiran paksa itu adalah, mengapa sebuah syarikat swasta Malaysia Airports Holdings Berhad boleh menggunakan jentera Kerajaan Negeri Selangor, pejabat tanah, MBSA dan JAIS, notis 425 untuk mengusir mereka.

Turut bersama semasa penyerahan memorandum di Pejabat MB Selangor ialah Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM. Sivarajan berkata, "MB Selangor harus keluaran arahan segera kepada Pejabat Tanah Petaling supaya tarikh balik notis ini." ##



Cabaran wanita kelas pekerja belum selesai

Ini adalah kenyataan bersama inisiatif PSM yang mendapat sokongan daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik bersempena Hari Wanita Sedunia 2017.

Setiap tahun, Hari Wanita disambut di seluruh dunia mengenai peranan penting yang dimainkan oleh kaum wanita.

Walau bagaimanapun, kami amat terkilan kerana isu-isu yang telah diperjuangkan oleh kaum wanita 100 tahun yang lalu, pada tahun 1917 di Rusia, iaitu tuntutan untuk "makanan(roti) dan keamanan" masih dialami oleh kaum wanita pada tahun 2017 ini.

Perjuangan wanita Rusia pada 8 Mac 1917 telah menjadi pencetus perjuangan yang telah menjatuhkan pemerintah Tsar di Rusia yang kejam pada ketika itu.

Perjuangan untuk keperluan asas bagi kehidupan masih relevan sekarang di mana majoriti wanita golongan pekerja berpendapatan rendah, ibu tunggal dan kaum ibu miskin kota menghadapi kesukaran setiap hari menampung kos hidup yang semakin meningkat.

Pada hari yang penting ini, kita mengenang perjuangan pemimpin wanita kelas pekerja dan golongan marhaen yang telah berkorban demi memperjuangkan nasib rakyat tertindas.

Maka, kami amat tidak berpuashati apabila Bajet Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tahun 2017 telah dipotong dari RM 1.87 bilion kepada RM 1.75 bilion. Adakah ini bermaksud bahawa potongan RM 120 juta akan digunakan untuk perbelanjaan yang lebih penting daripada membantu wanita kelas pekerja, ibu tunggal, miskin kota, tanggungan mereka yang perlu ke sekolah dan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)?

Mengikut statistik Kementerian, seramai 61,600 ibu tunggal telah menerima bantuan sebanyak RM 151 juta pada tahun 2014. Tetapi dalam satu jawapan di Parlimen, Kementerian melaporkan terdapat seramai 830,000 ibu tunggal yang didaftarkan di Malaysia. Maka, jika dianggarkan bahawa 40% daripada 830,000 ibu tunggal tersebut berpendapatan rendah, justeru bantuan kepada golongan ini haruslah seramai 270,400 bukannya hanya 61,600 !

Kerajaan harus menilai semula keutamaannya dalam memperuntukkan bajet negara, dan KPWKM harus diperuntukkan bajet yang lebih tinggi selaras dengan hasrat negara berkeadilan dan mengutamakan rakyat!

Kaum ibu tunggal yang

berpendapatan rendah merupakan kumpulan yang paling menderita oleh kerana definisi Paras Garis Kemiskinan (PGK), yang hanya akan menyediakan bantuan jika mereka berpendapatan RM 1,000 dan ke bawah.

Masih menetapkan kelayakan bantuan JKM pada RM 1,000 adalah amat kejam dan tidak menggambarkan situasi ekonomi dan sosial masa kini. Ianya perlu dinaikkan ke RM 1,500 dengan segera. (Khazanah Nasional mengatakan bahawa pendapatan isi rumah median pada tahun 2014 ialah RM4,585. Kebanyakan negara maju mengukur paras kemiskinan sebagai 60% daripada pendapatan median isi rumah, maksudnya – RM 2,751). Oleh itu, kerajaan masih berpegang kepada PGK RM 1000 adalah sesuatu perkara yang amat tidak relevan!

Kami menuntut tindakan proaktif mengkaji semula klasifikasi "ibu tunggal" agar ianya diperluaskan kepada kaum ibu yang suaminya seorang banduan yang masih dalam tahanan penjara, lebih penting jika ibu tersebut mempunyai anak-anak di bawah umur 18 tahun. Apabila suami mereka yang telah merupakan sumber tunggal pendapatan isi rumah ditahan dan dipenjarakan, maka keseluruhan keluarga tersebut terpaksa menderita.

Sememangnya pihak kerajaan asyik cuba menonjolkan penampilan kejayaan wanita di bidang korporat dan pentadbiran kerajaan sebagai contoh kejayaan wanita kerana usaha-usaha kerajaan. Tetapi kesengsaraan majoriti kaum wanita yang hidup sebagai pekerja biasa berpendapatan rendah, ibu tunggal dan miskin kota sering diabaikan dengan gambaran yang ditonjolkan kepada media bahawa wanita di Malaysia sudah mencapai kejayaan dan tidak menderita lagi.

Tahun 2017 ini menandakan lebih seratus tahun sambutan Hari Wanita Sedunia. Namun malangnya kaum wanita Malaysia masih bergelut

dengan masalah sistem patriarki, ketidakaksamaan antara gender, diskriminasi dan keganasan terhadap wanita.

Justeru, organisasi-organisasi yang menyokong kenyataan ini menyeru kepada Kerajaan agar:

1. Tambahkan bajet yang diperuntukkan kepada KPWK sebanyak dua kali ganda, oleh kerana KPWK mempunyai tanggungjawab yang cukup luas untuk menjaga kebajikan wanita terutamanya wanita daripada golongan berpendapatan rendah.

2. Tingkatkan Paras Garis Kemiskinan kepada RM 1,500 dan pastikan perubahan kos hidup dipantau serta penyalaraan dibuat dari masa ke semasa.

3. Tubuhkan rumah asuhan kanak-kanak di semua kawasan perumahan kos rendah, demi memudahkan kaum ibu meninggalkan anak mereka untuk dijaga apabila mereka pergi bekerja.

4. Olah skop makna "ibu tunggal" untuk merangkumi para ibu yang mempunyai suami yang masih dalam tahanan atau menjalani hukuman penjara, agar ibu dan keluarga mereka yang mempunyai anak berumur di bawah 18 tahun layak mendapat bantuan kebajikan.

5. Lancarkan suatu skim perumahan rumah kos rendah (RKR) dengan rebat khas kepada para ibu tunggal berpendapatan rendah supaya dapat dibeli dengan bayaran sewa beli yang mudah.

6. Permohonan bantuan oleh ibu tunggal yang ditolak harus diperiksa semula agar skim baru yang boleh membantu mereka diperkenalkan.

7. KPWK merujuk semula kepada memorandum yang telah dikemukakan oleh Jaringan Rakan

Ibu Tunggal pada tahun 2015 dan pihak Kementerian harus mengambil langkah untuk melaksanakan cadangan-cadangan tersebut. Cabaran untuk wanita kelas pekerja amatlah banyak dan harus diberikan perhatian serius oleh KPWK.

Kenyataan bersama ini disokong oleh organisasi seperti berikut:

1. Parti Sosialis Malaysia (PSM)
2. Community Development Centre, Kajang (CDC)
3. Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT)
4. PACOS trust
5. Persatuan Wanita Selangor
6. Women's Centre for Change (Penang)
7. Inter-Research And Studies (IRAS)
8. Aliran
9. Monitoring Sustainability of Globalisation (MSN)
10. Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM)
11. National Union of Flight Attendants Malaysia (Nufam)
12. Projek Dialog
13. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
14. Research for Social Advancement Relevant Facts, Sparkling Analysis (REFSA)
15. In Between Cultura
16. Pusat KOMAS
17. Diversity
18. Persatuan Kebajikan Arutperunjothi Margam
19. HINDRAF
20. Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER)
21. The North South Initiative
22. Kesatuan Pekerja-pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia
23. Sisters in Islam
24. Women's Sport & Fitness Foundation Malaysia (WSFFM)
25. National Human Rights Society (HAKAM)
26. All Women's Action Society (AWAM)
27. Seksualiti Merdeka
28. Justice for Sisters
29. The Kuala Lumpur And Selangor Chinese Assembly Hall (KLSCAH)
30. TBH Trust for Democracy
31. Parti Rakyat Malaysia



MEF tidak faham masalah pekerja yang hilang kerja

(Berikut adalah kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh M. Sivaranjani, Penyelaras Biro Pekerja PSM, pada 14 Mac lalu, untuk membidas kenyataan MEF yang membantah Skin Insurans Pekerjaan.)

Shamsuddin Bardan, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) berkata kepada media online FMT pada 10 Mac lalu bahawa MEF membantah cadangan kerajaan – Skim Insurans Pekerjaan (SIP). Shamsudin dalam kenyataan tersebut berpendapat bahawa apa jua kenaikan kos yang akan timbul daripada pengenalan SIP ini hanya akan menyukarkan syarikat swasta, kerana kebanyakan syarikat swasta pada masa ini mengalami masalah dari segi kewangan dan sesetengah syarikat terpaksa mengurangkan pekerja. “Jika skim ini dilaksanakan, sudah tentu akan meningkatkan kos operasi dan menyebabkan banyak syarikat menghadapi masalah,” begitu katanya.

PSM ingin mengemukakan satu persoalan, bagaimana pula dengan

kos yang terpaksa ditanggung oleh pekerja apabila kilang tersebut gulung tikar dan langsung tidak dapat membayar gaji mahupun pampasan kepada pekerja? Secara tiba-tiba, seseorang pekerja akan kehilangan punca pendapatannya dan akan gagal membayar ansuran bulanan untuk rumah, kereta dan juga pendidikan anak-anak mereka. Mereka bukan sahaja kehilangan kerja tetapi juga mungkin rumah yang akan dilelongkan dan kereta yang akan ditarik oleh bank.

Sekurang-kurangnya, majikan yang akan gulung tikar, berupaya untuk merancang bagaimana untuk menguruskan kewangannya sebelum ianya diserahkan kepada “pelikuidasi” yang akan mengambilalih dan mencairkan aset syarikat. Tetapi, pekerjalah orang yang terakhir menerima berita bahawa syarikat tersebut akan bankrap.

Mengikut pengalaman sejarah kita, krisis ekonomi melanda setiap 10 tahun sekali dan banyak syarikat gulung tikar. Selepas syarikat bankrap, pihak syarikat tidak

mempunyai sebarang kewajipan untuk selesaikan tunggakan gaji ataupun pampasan, walaupun Akta Kerja 1955 jelas menyatakan faedah renti kerja adalah kewajipan majikan. Dalam keadaan ini, pekerja yang dijadikan mangsa.

Maka, SIP adalah satu sistem keselamatan masyarakat untuk pekerja seperti fungsi PERKESO, di mana jika pekerja mengalami kemalangan tiba-tiba, PERKESO akan melindungi pekerja. Begitulah SIP ini akan berfungsi jika berlaku pemberhentian pekerja secara tiba-tiba akibat syarikatnya bankrap.

Kami juga tidak setuju dengan cadangan MEF mencarum dalam akaun 3 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ini adalah kerana caruman KWSP yang akan terkumpul adalah tidak setimpal dengan bayaran renti kerja yang sepatutnya diperolehi seseorang pekerja mengikut Akta Kerja 1955. Bagi seorang pekerja yang telah bekerja selama lebih 15 tahun, dia layak menerima 20 hari gaji setiap tahun perkhidmatannya. Tambahannya pula, SIP juga mencadangkan bayaran elaun bulanan kepada pekerja sehingga pekerja dilatih dan memperolehi kerja semula. Sudah tentu caruman dalam KWSP ini tidak mencukupi dan tidak



wajar kita mengusik akaun KWSP untuk tujuan ini.

KWSP adalah satu bentuk simpanan hari tua dan bukan perlindungan semasa kecemasan. Maka, cadangan MEF untuk buka akaun di KWSP adalah tidak masuk akal.

Cadangan Kerajaan mahupun PSM, skim ini tidak akan membebaskan majikan dalam jangka panjang kerana amaun yang akan dicarum bukanlah tinggi. Juga dua-dua pihak pun akan mencarum dalam skim ini, maka tiada apa untuk dirungut oleh MEF. Kaum majikan harus faham satu perkara: jika pekerja dilindungi dan dijaga baik, maka keuntungan mereka terjaga. Tanpa pekerja, tiada produktiviti. Ini sentiasa dilupakan oleh majikan.

PSM menyokong cadangan kerajaan untuk penubuhan Skim Insurans Pekerjaan (SIP), kerana ia selaras dengan tuntutan kami dalam kempen Tabung Pemberhentian Kerja (TPK), dan kami amat berharap skim ini dipercepatkan pelaksanaannya. Bagi tujuan itu, kami hadir ke Parlimen dan menyerahkan kad-kad tandatangan sokongan SIP kepada kerajaan pada 29 Mac 2017.

Jangan tangguhkan lagi. Laksanakan SIP segera! ##



Pekerja Cisco menang kes

Mahkamah Perusahaan putuskan majikan tak boleh pindah pekerja sesuka hati

Pada 3 Januari lalu, seorang pekerja bernama Vijaydran yang telah bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah sekolah rendah di Klang, Selangor, telah diberi surat pindah kerja ke lokasi di Kelantan. Ini merupakan satu taktik baru yang digunakan oleh majikan untuk memberhentikan pekerja secara tidak langsung.

Perkara ini telah diutarakan oleh pihak Parti Sosialis Malaysia (PSM) kepada En. Kamaruddin, Setiausaha Bahagian Aset dan Perolehan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 23 Februari lalu. Pihak Kementerian juga terkejut dengan tindakan itu dan meminta kes sebegini terus dibuat aduan ke atas kontraktor di KPM dan teruskan pemfailan kes di Jabatan Perhubungan Perusahaan.

Kesalahan Vijaydran hanyalah tidak hadir kerja sehari kerana motosikalnya hilang dan dia mahu buat laporan polis. Perkara ini diberitahu kepada majikannya tetapi dia diberi notis kurang 1 minggu untuk pindah kerja



pergi ke Kelantan, di mana majikan langsung tidak memberikan ruang untuk bercakap dan berbincang. Walaupun menulis surat rayuan dan meminta sebab pemindahan, syarikat kontraktor Cisco (M) Sdn Bhd dengan angkuhnya tidak menjawab dan terus memberhentikan Vijaydran.

Penganiayaan ini telah dibawa ke Mahkamah Perusahaan Shah Alam. Dalam penghakiman pada 9 Mac lalu, Vijaydran telah menang dengan keputusan Mahkamah Perusahaan yang mengatakan bahawa tindakan majikan memindahkan lokasi bertugas pekerja ke tempat jauh adalah salah di sisi undang-undang. Ramai pekerja dimangsakan

sebegini oleh Cisco (M) Sdn Bhd. Hari ini, seorang pekerja berani tampil ke depan untuk menentang kezaliman majikan Cisco, dan harap ini akan memberi semangat kepada pekerja lain yang masih mengalami keadaan sebegini.

Syabas dan hidup hak pekerja!##

KUIZ PEKERJA

Jawapan

1. Semua gaji MESTI dibayar **tidak lewat daripada 7 haribulan** selepas tamat tempoh penggajian.

Mengikut **Seksyen 19, Akta Kerja 1955** (Akta 265), “**setiap majikan hendaklah membayar upah-upah kepada setiap pekerja-pekerjanya tidak lewat daripada hari ketujuh selepas hari terakhir bagi mana-**

mana tempoh upah, ditolak potongan-potongan yang sah, yang diperolehi oleh pekerja tersebut dalam masa tempoh tersebut.”

2. **Tarikh pembayaran gaji TIDAK boleh dilanjutkan** kecuali majikan memohon dan mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Buruh untuk melanjutkan masa pembayaran dengan bilangan hari tertentu sebagaimana yang ia fikir berpatutan. Ini juga termaktub dalam Seksyen 19, Akta Kerja 1955.

BERSIH, BERANI, BERPRINSIP & BERJIWA RAKYAT

4 sifat PSM tawarkan untuk politik Malaysia

oleh S. Arutchelvan

Apabila kita pergi ke satu pasar besar, kita tertarik perhatian dengan pelbagai jenama. Maka kita harus membuat pilihan tentang apa yang kita nak beli. Pilihan kita mungkin bersandarkan harga, kualiti, kesahihan produk tersebut dan juga faktor lain seperti iklan, publisiti dan sebagainya.

Musim pilihanraya juga adalah musim memilih jenama. Apakah jenama yang paling baik untuk seorang pengundi atau untuk rakyat Malaysia? Jika kita melihat tugas mereka yang menjual jenama, maka dapat melihat pelbagai cara digunakan untuk menjual sesuatu jenama. Jenama yang paling popular yang digunakan oleh pembangkang pada masa kini ialah Tun Mahathir. Mahathir sudah menggantikan tempat Anwar Ibrahim sebagai Ketua Pembangkang yang sebenar, sehingga cadangan-cadangan beliau diterima semua tanpa banyak bantahan.

Namun, Mahathir mempunyai udang di sebalik batu. Maka, barisan pembangkang terpaksa membalut lidah dengan berkata parti puak Mahathir adalah lebih baik berbanding dengan BN, kurang rasuah berbanding dengan BN dan sebagainya. Secara ringkasnya mereka berkata, kita kena pilih antara dua jenama... mana yang sedikit kurang teruk, kurang rasuah dan sebagainya. Maka ada orang kata ini adalah pilihan antara "syaitan dan laut dalam" (*devil and the deep blue sea*).

Cara parti politik aliran utama di Malaysia berfungsi adalah, mereka mempunyai dua set propaganda, satu untuk orang Melayu Islam dan satu lagi untuk orang bukan Melayu Islam. Di kawasan Melayu, mereka bercakap pasal hak-hak orang Melayu, isu agama Islam, manakala

di kawasan lain, mereka bercakap pasal masyarakat majmuk dan perpaduan kaum.

Dalam konteks itu, parti politik dan kenapa mereka berhujah begini boleh diramal. Contohnya, PAS akan bercakap tentang sistem Islam kerana pengundinya dan penyokongnya majoriti daripada orang Islam, manakala DAP pula akan bercakap tentang bahaya Hudud dan Negara Islam kerana pengikut mereka kebanyakannya orang bukan Melayu dan di kawasan bandar. Jadi, sebenarnya mereka menjual jenama mereka kepada penyokong mereka.

Bagi rakyat biasa di tepi jalan, apabila mereka didampingi secara individu, mereka mempunyai satu ungkapan yang amat benar, iaitu "kedua-duanya sama sahaja". Dalam konteks ideologi, kedua-dua gabungan parti utama, baik Barisan Nasional mahupun Pakatan Harapan, mendukung sistem kapitalis sebagai sistem ekonomi yang membawa manfaat kepada rakyat. Itulah sebabnya setiap kali mengumumkan bajet, kedua-dua parti pemerintah dan pembangkang saling menuduh satu sama lain bahawa pihak yang satu lagi meniru bajet mereka. Ini dipanggil politik "*coke dan pepsi*".

Kalau kita bercakap pasal rasuah, prestasi BN tidak perlu dikatakan lagi, di mana Najib dan skandal 1MDB tidak boleh dipisahkan lagi. Namun, Najib dan penyokongnya akan berkata, zaman Mahathir lagi kuat rasuah dan skandal. Mahathir semasa menjadi PM dulu, tidak kurang skandalnya seperti skandal BFM, Perwaja dan sebagainya. Jika kita lihat pada Kelantan yang bergelar Negeri Serambi Mekah pula, kita terkejut dengan persekongkolan kerajaan negeri dengan tauke-tauke balak. Di Selangor pula, timbulnya beberapa isu seperti pintu gerbang,



perjanjian air membawa kepada pelbagai persoalan tentang kebersihan pentadbiran di situ. Oleh itu, apakah yang membezakan dua jenama francais besar ini?

Seorang ahli akademik yang terkenal dan berkaliber dari Universiti Malaya, Profesor Terrence Gomez pula berkata, tidak ada bezanya kedua-dua parti BN dan Pembangkang di mana semua lantikan-lantikan politik mereka duduk dalam syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Baru-baru ini, dalam satu kenyataan pada 10 Februari 2017, Rafizi Ramli pula berkata beliau akan menasihatkan dan menulis surat kepada kerajaan di Selangor dan Pulau Pinang supaya tidak melantik ahli politik untuk menjawat posisi di syarikat GLC naungan kerajaan negeri.

Oleh yang demikian, persoalan yang wujud adalah, jika semua parti politik adalah korup dan sebagainya, rakyat nak pilih siapa? Maka, satu cara adalah untuk memulaukan pilihanraya memandangkan siapa dipilih pun, tidak ada bezanya. Sementara itu adanya cara kedua, iaitu memilih parti yang kurang rasuah dan salahguna kuasa. Dalam aspek ini, rakyat mempunyai pilihan untuk memilih, umpamanya Pakatan Harapan seperti yang sering disebut dalam ceramah oleh Mat Sabu, "pilih kami untuk satu penggal. Jika tak suka, tukar kami selepas itu."

Disebabkan politik kotor inilah, ramai anak muda hari ini tidak mahu menyertai mana-mana parti politik. Mereka semakin benci dan hampa dengan politik yang tidak berprinsip dan tidak bermaruah yang diketengahkan baik oleh pihak pemerintah mahupun pembangkang.

Pihak pembangkang pula cuba mendapatkan sokongan dengan berkata bahawa kita kena bersatu

untuk menentang BN. Slogan Barisan Bersatu diluahkan sebagai penyelesaian kepada semua masalah ini. Mereka langsung tidak mahu bersikap secara bertanggungjawab. Mereka sedia menggadaikan prinsip dan maruah diri demi mendapatkan kuasa. Begitulah rendahnya standard politik kita hari ini, apabila kita diajak untuk tutup mata, tutup telinga, tutup mulut dan terima sahaja Mahathir kerana BN harus dijatuhkan. Kita diberikan harapan palsu bahawa selepas tukar kerajaan, semuanya akan beres. Kita lupa pada Suharto dan Marcos, di mana penggulingan mereka tidak semestinya membawa kita kepada sistem yang lebih baik. Di Malaysia pula, kita menggunakan Mahathir (iaitu Marcos atau Suharto versi Malaysia) untuk membawa reformasi. Setakat ini, Mahathir tidak pernah mengakui kesilapannya, malah dengan angkuhnya tidak mahu meminta maaf. Beliau hanya berkata bahawa kesilapannya hanyalah melantik Najib sebagai pemimpin dan mengurangkan kuasa istana.

Ramai yang bercakap mengenai salahguna kuasa ISA, salahguna polis, peranan Peguam Negara dan rasuah semasa zaman pemerintahan Mahathir. Namun, ramai yang terlupa berkata bahawa Mahathir juga bertanggungjawab melemahkan gerakan Kesatuan Sekerja, menjatuhkan institusi kehakiman dan gerakan mahasiswa dalam negara ini. Malah, yang jauh lebih teruk adalah, Mahathir menentang penggubalan akta gaji minimum, perlintan kroni Mahathir menyebabkan kita membayar harga tinggi untuk elektrik, hospital kerajaan teruk dan sebagainya, juga antaranya legasi Mahathir. Begitu juga isu royalti di Kelantan dan kebebasan berserikat seperti kes pendaftaran PSM dan sebagainya.

(sambung di m/s 9)



(sambung dari m/s 8)

PSM berpendirian bahawa rakyat Malaysia harus diberi pilihan yang lebih baik. Kami menyarankan dalam PRU akan datang ini, memandangkan tidak ada pilihan yang terbaik, maka rakyat memilih calon mengikut keupayaan dan kewibawaan calon tersebut untuk mewakili rakyat di kawasan yang ditandinginya. Rakyat juga harus meletakkan beberapa syarat seperti prestasi calon berjuang untuk rakyat, ketelusan calon dan sebagainya. Di Indonesia, oleh kerana sudah bosan dengan tipu muslihat parti politik, maka rakyat

mula memilih berasaskan prestasi calon dan bukan lagi mengikut parti. Dalam aspek ini, PSM menawarkan calon berkualiti yang mempunyai 4 sifat utama, iaitu **BERSIH, BERANI, BERPRINSIP** dan **BERJIWA RAKYAT**. PSM juga membuka ruang kepada aktivis rakyat dan individu yang aktif dalam isu masyarakat untuk menjadi calon. PSM meletakkan 4 syarat utama kepada mereka, iaitu setuju dengan manifesto PSM, tidak bermain politik perkauman, mengisytihar harta dan akan membuka Pusat Khidmat jikalau menang. Mereka boleh menggunakan

logo kami tanpa perlu menjadi ahli parti. Dalam politik Malaysia hari ini, walaupun parti DAP, PKR dan AMANAH menerajui kempen membongkarkan salahguna kuasa pemerintahan Najib dan rasuah yang berleluasa, namun parti kecil PSM menerajui politik negara dalam memperjuangkan isu-isu rakyat yang jauh lebih relevan untuk majoriti rakyat. PSM menerajui kempen Tabung Pemberhentian Kerja, kempen memperkasakan hospital kerajaan, kempen meningkatkan gaji minimum, kempen menentang

perjanjian perdagangan bebas (FTA/TPPA), kempen turunkan harga rumah dan kempen pendidikan percuma. Selain daripada isu-isu ini, berbanding dengan semua parti politik yang sedia ada, PSM menerajui perjuangan pekerja ladang, peneroka bandar, petani dan Orang Asli di negara kita. Kami menyarankan pada rakyat Malaysia supaya menilai calon mengikut prestasi kerja. Calon PSM akan mempunyai 4 sifat seperti di bawah:

Bersih

Bagaimana cara menilai sama ada seorang calon itu bersih atau tidak? Cara terbaik adalah meminta calon tersebut membuat pengisytiharan harta setiap tahun. Setakat ini, hanya Ahli Parlimen PSM sahaja yang membuat deklarasi harta setiap tahun sebagai wakil rakyat dalam Parlimen Persekutuan. Walaupun hanya 3 orang ahli PSM yang pernah menjadi Ahli Majlis,

mereka juga mempunyai rekod membuat pengisytiharan harta semasa memegang jawatan. Selain itu, anda boleh menilai dalam akhbar sejauh mana nama calon tersebut dikaitkan dengan skandal-skandal kewangan. Juga melihat cara hidup calon tersebut, cara pakaian dan sebagainya. Maka, PSM hari ini memang mempunyai calon-calon yang bersih dan hidup secara sederhana tanpa mengharapakan habuan apabila melibatkan diri dalam politik.

Berprinsip

Ini adalah sesuatu yang amat penting. Antara satu syarat penting untuk calon PSM adalah tidak boleh menggunakan isu perkauman dan agama untuk memancing undi. Prinsip ini amat penting. Mengapa parti Bersatu pimpinan Mahathir dan



Muhyiddin menekankan bahawa mereka adalah parti Melayu? Apakah di sebalik pemikiran mereka? Satu lagi persoalan penting adalah individu atau parti tidak boleh bersekongkol dengan kapitalis atau tauke besar. Ini adalah kerana sebahagian besar masalah rakyat marhaen seperti isu perumahan, pekerjaan, isu pertelingkahan tanah, isu alam sekitar dan banyak lagi adalah pertembungan antara rakyat biasa melawan golongan yang mahakaya dan berpengaruh. Dalam situasi sebegini, di manakah tanggungjawab dan kepentingan kita? Hanya seorang yang berprinsip sahaja yang tidak dapat dibeli oleh golongan kapitalis dan tauke besar. Maka, rakyat kena pandai memilih calon supaya masa depan mereka tidak digadai atau dilelong kepada mereka yang berada.

Berjiwa rakyat

Untuk mencari penyelesaian kepada masalah masyarakat berpendapatan rendah, kita harus memahami dan mendalami masalah mereka. Hanya jika kita memahami masalah mereka, barulah kita akan menggubal undang-undang dan polisi yang berjiwa rakyat. Kalau tidak, kita mungkin akan menyokong dasar yang tidak berkaitan dengan kepentingan rakyat biasa seperti kenaikan gaji ahli parlimen dan sebagainya. Semua keputusan juga perlu dibincang dengan rakyat dan rakyat dijadikan komponen terpenting dalam proses membuat keputusan. Golongan elit politik mengamalkan budaya VIP, YB dan secara tidak langsung membawa budaya feudal. Mereka juga mahu dilayan secara

istimewa. Mereka menyokong dan membiak golongan rakyat yang suka membodek. Mereka juga memberi gambaran bahawa mereka maha berpengetahuan dan cerdik pandai sehingga tahu segala jawapan kepada permasalahan rakyat. Budaya sebegini harus ditentang dan dihapuskan. Hari ini, kita lihat hampir semua keputusan yang diambil oleh mana-mana parti, hanyalah keputusan elit dan ahli biasa langsung tidak mengetahuinya. PSM pula menyarankan ahli-ahlinya menghormati rakyat, memperkasakan rakyat dari dalam melalui perbincangan bersama, berdikari, bertukar pandangan dan menyertai perjuangan sejati. Hanya calon berjiwa rakyat boleh mempertengahan keluhan rakyat biasa dengan lebih baik dan tajam di Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Sudah tiba masanya kita memilih calon di kalangan rakyat biasa dan bukan hanya memilih di kalangan elit politik sahaja.

Berani

Calon-calon PSM semuanya mempunyai ciri ini. Biasanya aktivis PSM berdiri di barisan hadapan dalam mana-mana perjuangan rakyat. Jarang sekali mereka membenarkan diri mereka dilayan macam VIP. Itulah sebabnya ramai pimpinan PSM ditahan kerana memperjuangkan isu rakyat. Hanya calon yang berani dapat mewakili kepentingan anda nanti dengan beraninya, bukannya calon yang



Dengan 4 sifat yang penting ini, bandingkan jenama kami dengan jenama lain. Bukan sahaja apa yang disebutkan tetapi lihat sendiri apa yang dilakukan.

Pilihan di tangan anda. Merayakan pilihanraya, merakymatkan demokrasi. ##

PSM sedia merakymatkan demokrasi berparlimen

Parti Sosialis Malaysia (PSM) bersedia membuka ruang kepada aktivis masyarakat dan wakil komuniti akar umbi yang bukan anggota parti untuk bertanding dengan logo PSM dalam Pilihanraya Umum ke-14 akan datang. Menurut Arutchelvan, Ahli Jawatankuasa Pusat PSM, “PSM mengambil keputusan ini kerana memandangkan ada orang yang tidak suka menyertai parti politik, tetapi mempunyai pegangan dan prinsip yang kuat dalam menentang kezaliman dan menegakkan keadilan.” “PSM telah meletakkan 4 syarat asas untuk mereka yang berhasrat bertanding dalam PRU akan datang dengan menggunakan logo PSM,” begitu kata Arutchelvan. 4 syarat yang dimaksudkan itu adalah:

1. Isytihar harta.
 2. Tidak mempermainkan politik perkauman.
 3. Bersetuju dengan manifesto pilihanraya PSM.
 4. Membuka Pusat Khidmat Rakyat di kawasan bertanding jika menang.
- Selain itu, PSM juga memutuskan untuk bertanding lebih kerusi dalam pilihanraya umum akan datang. Keputusan membuka ruang untuk logo parti digunakan oleh aktivis dan pejuang masyarakat akar umbi ini dibuat selepas perbincangan demokratik dalam parti di kalangan ahli-ahli parti, bukannya keputusan seorang dua pemimpin parti. Langkah ini merupakan satu inisiatif PSM untuk merakymatkan demokrasi berparlimen dengan menggalakkan penglibatan akar umbi dalam pilihanraya dan menampilkan alternatif rakyat yang sebenar. ##

Kemelut 13 tahun akhirnya selesai

Kisah perjuangan Ladang Semenyih

oleh S. Arutchelvan

Selepas 13 tahun pekerja di Ladang Semenyih diberhentikan kerja, akhirnya satu perjanjian penyelesaian telah ditandatangani antara 17 keluarga yang masih menetap di situ dengan pihak syarikat Sime Darby yang merupakan pemilik terakhir ladang tersebut.

Pada 28 Februari lalu, 21 orang bekas pekerja ladang yang mewakili 17 keluarga dari Ladang Semenyih telah menandatangani satu perjanjian penyelesaian dengan Sime Darby Properties & Plantations di Saujana Impian Gold and Country Resort di Kajang, Selangor.

Setelah satu rundingan yang lama dan tegang, akhirnya kedua-dua pihak bersetuju untuk satu penyelesaian di mana mengikut perjanjian ini, setiap keluarga bekas pekerja ladang akan diberi Rumah Teres Kos Rendah 1½ tingkat bersaiz 18' x 55' kaki persegi (990 kaki persegi).

Rumah tetap baru ini akan dibina di lokasi hanya sekitar 100 meter dari rumah ladang sekarang. Dengan subsidi RM 7,000, rumah ini akan dijual dengan harga RM 35,000 kepada bekas pekerja ladang. Namun, dengan pampasan lain yang diperolehi melalui rundingan ini, telah membolehkan 17 keluarga ini memiliki rumah tanpa membayar satu sen pun.

Mereka juga akan dibayar sewa sehingga rumah baru mereka siap. Selain itu, para pekerja juga akan dibayar pampasan faedah pemberhentian kerja yang telah ditahan oleh syarikat sejak tahun 2004.

Bekas pekerja ladang yang telah keluar dari ladang terlebih awal juga akan mendapat rumah, namun mereka perlu membelinya. Tawaran untuk mereka hanya akan diberikan setelah isu 17 pekerja ini selesai. Namun, pekerja ladang yang telah keluar lebih awal patut berterimakasih kepada 23 pekerja daripada 17 keluarga ini yang telah berdiri teguh sehingga penyelesaian ini dicapai. Tidak mungkin mereka semua mendapat rumah andaikata mereka semua meninggalkan ladang semasa mendapat notis 13 tahun lalu.

Kini, 23 orang bekas pekerja ladang bergembira kerana akhirnya menandatangani perjanjian penyelesaian. Ini adalah ganjaran baik yang diperolehi untuk 17 keluarga yang enggan meninggalkan tanah ladang apabila mereka diberhentikan dan diberikan notis pengusiran pada 1 April 2004.

Mendapat notis seminggu selepas PRU

Saya masih ingat, pada 21 Mac 2004, Pilihanraya Umum (PRU) ke-11 diadakan. Barisan Nasional (BN)



memenangi pilihanraya dengan kemenangan besar apabila meraih 198 kerusi berbanding pembangkang yang hanya 20 kerusi. Satu minggu selepas itu, pekerja Ladang Semenyih dipecat dan diberikan notis penamatan perkhidmatan. Nampaknya, pemilik ladang sekadar hanya menunggu untuk pilihanraya berakhir, sebelum melaksanakan rancangan pengusiran mereka. Sudah pasti majikan telah dinasihatkan oleh ahli politik pada ketika itu bahawa pengusiran tidak patut dijalankan sebelum pilihanraya tamat.

Jadi, syarikat mengeluarkan notis pada 1 April 2004. Notis penamatan telah diberikan kepada lebih daripada 40 orang pekerja, tetapi itu bukan perkara yang paling mengejutkan pada hari itu. Ahli yang paling aktif, iaitu Setiausaha Kesatuan serta Pengerusi kuil, Mathuraveeran, telah mengalami serangan jantung dan meninggal dunia pada hari menerima notis pemberhentian. Ini adalah satu tamparan berganda. Bayangkan bagaimana notis ini telah mengerunkan keluarga-keluarga ini.

Hari ini, apabila mengimbas balik peristiwa ini semasa majlis tandatangan perjanjian penyelesaian, isteri Mathuraveeran, Munichy menitikkan air mata. Mathuraveran mungkin tidak bersama kita, tetapi hari ini beliau mungkin gembira merenung kita dari atas dengan bangganya.

Perjuangan bermula

Perjuangan telah bermula dari hari pertama notis pemberhentian kerja diberikan. Tekanan dan ugutan daripada pengurus ladang telah menyebabkan sebahagian orang meninggalkan ladang. Mereka yang berasa putus asa mula meninggalkan ladang. Kebanyakan mereka yang meninggalkan ladang kerana telah diugut bahawa jika mereka enggan berpindah, maka faedah pemberhentian kerja tidak akan dibayar. Terdapat juga khabar angin bahawa air dan elektrik akan diputuskan. Oleh

sebab gelisah dan takut, sebahagian orang mula meninggalkan ladang ini. Beberapa orang daripada mereka berkata bahawa anak-anak mereka memaksa mereka meninggalkan ladang kerana merasakan tiada jalan lagi.

Dalam kemelut ini, satu mesyuarat telah diatur antara MAPA (Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Malaya) dan NUPW (Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang), namun penyelesaian tidak dapat dicapai. Kesatuan sekerja menuntut bayaran ex-gratia dan perumahan sebagai penyelesaian, tetapi MAPA tidak bersetuju dan mengatakan bahawa mereka tidak diwajibkan di bawah undang-undang untuk membina rumah bagi pekerja. Empat pemimpin kesatuan tempatan hadir mesyuarat ini, tetapi status mereka hanyalah pemerhati sahaja di mana pandangan mereka tidak diambil kira. Maka, mesyuarat antara kesatuan dan syarikat perladangan berakhir dengan kebuntuan. Tidak lama kemudian, disebabkan ladang tidak lagi beroperasi, kesatuan sekerja mereka semakin lenyap daripada isu ini.

Para pekerja juga tidak mempunyai sebarang dokumen kecuali janji-janji mulut yang dibuat kepada mereka oleh majikan. Mereka bersumpah bahawa pengurus ladang dan kerani telah beberapa kali berjanji bahawa mereka akan diberi rumah apabila ladang itu dibangunkan. Itulah sebabnya ramai pekerja terus bekerja di ladang walaupun dibayar gaji yang rendah. Namun, apabila ladang ini betul-betul dibangunkan, janji-janji ini tidak ditepati.

Di bawah tekanan yang intensif dan tanpa kesatuan sekerja yang berjuang untuk mereka, lebih daripada sedozen keluarga enggan

meninggalkan ladang dan bertekad untuk terus berjuang. Tuntutan utama mereka adalah **rumah tetap**.

Dalam masa inilah, para pekerja menghubungi kami. Ini tidak menghairankan memandangkan mereka telah lama mengenali kami. Sejak zaman kampus lagi, kami mengajar tuisyen percuma untuk anak-anak pekerja ladang di Sekolah Tamil Semenyih, maka kami dipanggil "sir" atau guru, manakala ada pula merujuk kami sebagai kumpulan Pattali, kerana kami mengedar risalah bulanan yang bertajuk "Pattali" (buruh) yang mengutarakan isu-isu yang dihadapi oleh pekerja ladang.

Hubungan kami dengan pekerja ladang adalah lama. Dalam banyak keadaan, kami sentiasa bersama pekerja-pekerja dan kesatuan tempatan. Seawal tahun 1992, saya melawat ladang ini setiap hari Rabu, dan setelah itu, seorang lagi pelajar UKM bernama Prabha menjadi penyelar pertama bagi ladang ini. Ramai pelajar UKM lain daripada kumpulan kami membantu untuk menyelaraskan kerja-kerja di dalam Ladang Semenyih terutamanya dalam isu pendidikan, belia dan pekerja.

Pada tahun 1993, Ladang Semenyih adalah salah satu daripada 11 ladang yang telah menuntut pelaksanaan Skim Perumahan Sendiri Pekerja. Pada 6 Oktober 1993, satu memorandum telah diserahkan kepada Timbalan Menteri Buruh pada ketika itu.

Pembentukan Jawatankuasa Baru

Oleh itu, apabila pekerja telah diberhentikan, ia tidak sukar untuk mereka membentuk satu jawatankuasa. Jawatankuasa Bekas Pekerja Ladang ini terdiri daripada bekas pekerja ladang dan anak-anak mereka. Kesemua anak muda pula adalah anak-anak pekerja ladang dan mereka sudah aktif dalam kelab belia - PTI (Kelab Peka Tegas Ikhlas). Antara anak-anak muda ini adalah Jaya, Poongkodi dan Punitha. Ahli Jawatankuasa selebihnya adalah bekas pekerja ladang seperti Maniam, Joseph dan Munichy. Mereka berenam memainkan peranan penting untuk memberikan kepimpinan dalam perjuangan ini dalam tahun-tahun kemudian.

Ia mengambil masa beberapa tahun untuk Pengurusan Ladang menerima Jawatankuasa ini kerana mereka telah biasa bekerja dengan kesatuan. Ladang terus beroperasi di bawah pekerja kontrak, tetapi mereka juga mula menjual tanah mereka satu demi satu.

(sambung di m/s 11)



(sambung dari m/s 10)

Ladang dijual, masyarakat terancam

Sekitar tahun 2008, penjualan tanah bersebelahan dengan rumah mereka telah menyebabkan banyak kesusahan di mana lori hantu digunakan untuk menjalankan kerja tanah secara besar-besaran. Tanah mereka semakin mengecil. Ladang Semenyih yang pada asalnya sebuah ladang getah, kemudian telah bertukar menjadi ladang kelapa sawit, manakala padang permainan telah ditukar menjadi nurseri. Pada masa itu, kerja pembangunan penting telah dilakukan oleh syarikat baru seperti Tiara Timur dan Bandar Mewah Diamond City. Ini telah dijalankan oleh Kueen Lai Group of Companies, Mayland dan Country Garden Development. Sime Darby telah menjual tanah sehingga menyebabkan bandar besar dan rumah-rumah mewah lagi mahal dibina. Pekerja-pekerja ladang yang telah bergenerasi berkorban untuk ladang ini hanya mampu melihat rumah-rumah ini dan bermimpi mengenainya.

Paling teruk adalah kawasan tadahan air mereka yang digunakan untuk menyediakan air minuman kini telah tercemar. Ini bermakna pekerja yang mendapat air yang dirawat sebelum ini kini mendapat air berlumpur. Ada masanya, mereka tidak mendapat air selama beberapa minggu. Pada tahun 2013 misalnya, selama hampir 3 bulan mereka tidak mempunyai air minuman yang bersih.

Apabila berdepan ancaman ini, pekerja-pekerja telah mengorganisasi diri mereka dan mula untuk memberhentikan lori dan mewujudkan sekatan jalan. Mereka juga memasang papan tanda dalam lingkungan 100 meter dengan tuntutan supaya pemaju tidak menceroboh tanah mereka.

Dua syarikat besar menggunakan jalan ini, dan ini menyebabkan ancaman berbahaya habuk yang meliputi rumah mereka. Maka, para pekerja terpaksa menghentikan lori-lori ini dan tidak lama kemudian, pemaju-pemaju ini mula akur kepada peraturan yang diwujudkan oleh Jawatankuasa Pekerja. Membantah dan menghentikan kerja pemaju telah membuahkan hasil positif. Para pekerja akhirnya disediakan dengan air minuman yang kini dipam dari sumber air bawah tanah.

Peranan Kerajaan Negeri

Jawatankuasa Bekas Pekerja Ladang juga membawa perjuangan perumahan kepada Kerajaan Negeri, di mana terdapat dasar sejak tahun 1993 bahawa syarikat-syarikat perladangan perlu terlebih dahulu membina rumah untuk pekerja sebelum mengusir mereka. Ini hanyalah satu dasar dan bukan



undang-undang. Namun, syarikat-syarikat perladangan juga berpengaruh dan mempunyai hubungan untuk mengusir pekerja ladang dengan menggunakan kuasa mereka. Oleh itu, ia adalah satu keadaan di mana siapa yang boleh mendapat sokongan Kerajaan Negeri.

Rundingan untuk perumahan pada awalnya bermula semasa Xavier Jayakumar menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri dan diteruskan sehingga zaman Ganabatirau menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri. Pada mulanya, terdapat banyak halangan dalam rundingan. Contohnya, Lembaga Sekolah Tamil menyaman Sime Darby dan Kerajaan Negeri di mahkamah, dan sementara itu terdapat beberapa isu mengenai pemindahan kuil Hindu. Ini kemudiannya diselesaikan apabila kuil dibenarkan untuk kekal di tempat yang asal manakala gereja telah diberi sebidang tanah untuk pembinaan semula. Perkara yang melibatkan sekolah masih di mahkamah.

Penghargaan juga perlu diberikan kepada Exco Negeri, Ganabatirau, yang dalam banyak mesyuarat di pejabatnya, tidak tunduk kepada tuntutan pemilik ladang. Beliau sentiasa memberitahu Sime Darby untuk menyelesaikan perkara-perkara dengan pekerja ladang dan berkata bahawa Kerajaan Negeri tidak akan bersetuju untuk pekerja diusir tanpa keperluan perumahan mereka dipenuhi. Ini memberi ruang kepada kami untuk berunding.

Perjanjian penyelesaian

Akhirnya, Sime Darby bersetuju untuk perumahan tetapi ia telah mengambil hampir 2 tahun untuk mencapai pencapaian ini. Dua isu yang susah diselesaikan ialah, pekerja mahukan Perjanjian Jual beli ditandatangani dan rumah yang dibina adalah percuma. Sejurus selepas itu, banyak mesyuarat telah diadakan di pejabat Ganabatirau, Pejabat PSM Semenyih, kuil dan juga ladang.

Perjanjian penyelesaian mendapat satu momentum apabila satu pasukan baru pegawai Sime Darby dipimpin oleh Hamili dan Mazuki telah memasuki rundingan. Mereka berjanji bahawa mereka adalah pasukan baru dan rundingan diteruskan untuk beberapa ketika sehingga penyelesaian dicapai. Ada masanya tegang, apabila mereka berkata bahawa mereka akan mula melakukan kerja dan meminta pekerja untuk bersedia menghadapi pemotongan elektrik dan air pada awal tahun ini. Para pekerja amat marah dan bertindak balas dengan laporan polis dan menghantar surat tegas kepada Sime Darby.

Akhir sekali, niat baik dan kebaikan menang apabila dalam beberapa perbincangan tertutup, isu perumahan diselesaikan. Bagi pekerja ladang, kami sentiasa berpendirian bahawa tuntutan kami adalah munasabah memandangkan kami mewakili kepentingan beberapa generasi pekerja ladang. Sime Darby mesti membayar balik hutang yang dikumpul daripada beberapa generasi pekerja ladang. Bagi Sime Darby, mereka kesuntukan masa kerana mereka telah menjual tanah tersebut kepada pihak ketiga dan 17 keluarga ini

merupakan halangan.

Akhirnya, Hamili dan saya berjabat tangan kerana ia merupakan satu rundingan sengit bagi kedua-dua pihak. Sime Darby hendak pekerja meninggalkan ladang serta-merta manakala pekerja bertekad untuk meninggalkan ladang hanya selepas mendapat tawaran yang baik. Akhirnya penyelesaian dicapai.

Kami juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada peguam kami, Ragu Kesavan, yang membantu kami dalam mengukuhkan perjanjian dengan bayaran yang sangat kecil. Ahli Majlis Thiaga, Rajen serta Senator Chandramohan juga membantu jawatankuasa dalam beberapa masa sukar. Datuk Nizam dari Unit Perancang Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) juga pada satu ketika memberi amaran kepada Sime Darby dan memberi jaminan kepada pekerja bahawa mereka tidak perlu keluar dan mengarahkan Sime Darby untuk memberikan surat akujanji bahawa mereka akan membina rumah-rumah seperti yang dijanjikan. Surat akujanji ini juga telah diberi oleh Sime Darby semasa tandatangani ini.

Akhir sekali, dalam tempoh setahun, Perjanjian Jual Beli akan ditandatangani. 17 keluarga telah mengundi lot rumah mereka. Dalam tempoh masa 32 bulan, rumah teres mereka akan disiapkan.

Kerja akar umbi memantapkan perjuangan

Mengimbas kembali, kemenangan ini juga merupakan hasil gabungan kerja akar umbi yang kami lakukan selama lebih daripada 25 tahun. Kami pernah mengajar pelajar di sekolah Ladang Semenyih pada awal tahun 1990-an, dan selepas itu kami membuat kerja-kerja organisasi di bawah CDC (Pusat Pembangunan Masyarakat) dan kemudian JSML (Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang), dan pada hari ini di bawah PSM. Maka, ia adalah kerja organisasi yang dijalankan bertahun-tahun. Ia membantu kami membina kepercayaan dengan rakyat dan memperkasakan mereka untuk berjuang mendapatkan kemenangan. Ada ketikanya majikan berfikir boleh menghasut pekerja supaya tidak



bersama kami. Mereka gagal pada setiap masa kerana kepercayaan ini dibina selama beberapa dekad dan bukannya semasa tempoh pilihanraya sahaja.

Semua mesyuarat diadakan secara demokratik dengan penyertaan penuh dan pengetahuan semua pekerja. Setiap keputusan adalah dibuat oleh mereka. Kami sentiasa bersama mereka. Kami pernah mengedar risalah dan mengadakan banyak perbincangan dan pekerja juga terlibat dalam banyak perjuangan kebangsaan dengan pekerja ladang lain.

Majlis menandatangani perjanjian bersejarah ini bermakna pekerja tidak lama lagi akan meninggalkan ladang yang didiami oleh mereka untuk beberapa generasi. Tetapi mereka tidak akan keluar dengan tangan kosong. Mereka akan pergi ke rumah baru mereka sendiri.

Bagi kami, kami menepati janji kami. 30 tahun yang lalu, pada tahun 1987, sebagai pelajar kami bertekad akan berjuang bersama-sama pekerja ladang. Dengan penyelesaian ini, ia bermakna kami telah menyelesaikan semua isu-isu utama di ladang-ladang di Daerah Hulu Langat. Dua lagi ladang, iaitu Ladang Bangi dan Denudin, telah menandatangani perjanjian dan menunggu rumah percuma untuk disiapkan. Hari ini, sebahagian bekas mahasiswa ini telah beredar, tetapi perjuangan ini masih diteruskan oleh sebahagian bekas mahasiswa sehingga hari ini.

Perjuangan ini adalah satu perjuangan kelas. Perjuangan antara kaum pekerja dan kapitalis, antara yang kaya dengan yang miskin, antara 1% dan 99%, akan berterusan. Seramai 23 pekerja boleh berbangga kerana berjuang dan mencapai kemenangan hari ini. Mereka akan menyertai senarai pekerja yang berjuang dan menang. Berani lawan, berani menang. Ini satu lagi kisah yang menunjukkan apabila anda berani berjuang, kemenangan bukanlah mustahil. ##



Harga rumah perlu dikawal

Rumah mampu milik untuk semua

oleh Sharan Raj

Berdasarkan Hierarki Keperluan Maslow, rumah merupakan salah satu keperluan asas manusia dan merupakan pembelian terbesar dalam kehidupan kebanyakan rakyat Malaysia. Menurut Institut Kajian Khazanah (KRI), kadar harga hartanah rumah kediaman jauh lebih tinggi daripada kemampuan kebanyakan warga Malaysia. Purata harga rumah adalah 4.4 kali ganda berbanding purata pendapatan tahunan, telah mewujudkan sebuah generasi “hilang tempat tinggal” (*homeless*).

Jumlah pembayaran bulanan untuk pembiayaan rumah tidak sepatutnya melebihi 1/3 daripada pendapatan gaji. Berdasarkan gaji minimum di Malaysia, iaitu RM 1,000 sebulan, maka pembayaran bulanan yang minimum adalah RM 334. Jadi, golongan B40 (40% yang berpendapatan paling rendah) hanya mampu membeli hartanah bernilai RM 73,000 berdasarkan pembiayaan 35 tahun. Rumah dengan harga tersebut tidak wujud lagi walaupun di negeri yang kecil seperti Perlis, di mana kos sebuah rumah teres telah mencecah RM 150,000. Golongan bawahan (B40) dan juga pertengahan (M40) sedang bersusah payah dan merana untuk membeli rumah pada harga tersebut.

Berdasarkan indeks harga bahan pembinaan, harga bahan pembinaan tidak mengalami kenaikan yang drastik, malah telah menurun akibat surplus di China. Namun, harga rumah terus naik tanpa berhenti. Sistem pasaran bebas tidak mampu menangani kos perumahan untuk memastikan semua lapisan rakyat mendapat rumah pada harga yang berpatutan. Masalah kos perumahan ini wujud kerana sikap tamak spekulator/pelabur hartanah.

Skim Pembiayaan Faedah oleh Syarikat Pembinaan (DIBS), penghapusan pembiayaan 10% oleh kebanyakan syarikat perumahan, kadar faedah pembiayaan yang rendah dan sikap pro-pelabur hartanah oleh bank, mewujudkan suasana yang kondusif untuk pelabur membeli rumah secara pukal.

Malahan, pelabur hartanah juga bekerjasama mewujudkan entiti khas untuk melabur dalam hartanah secara bersama dan mengurangkan persaingan dalam kalangan mereka. Pelabur hartanah akan menjual rumah pada kadar lebih tinggi atau menyewakan rumah sejurus rumah siap dibina. Harga perumahan terus naik apabila pelabur hartanah menyimpan rumah kosong untuk kadar jangka masa yang panjang supaya memperoleh keuntungan modal (*capital gain*). Modus operandi spekulator hartanah ini telah melahirkan ramai jutawan baru dalam dekad yang lepas, namun berjuta rakyat Malaysia telah menjadi miskin kerana kehilangan kuasa membeli akibat kos rumah yang tinggi, khususnya golongan Bawahan-40 (B40) & Menengah-40 (M40).

Langkah yang boleh dilaksanakan segera untuk mengawal harga rumah adalah seperti berikut:

A) Kurangkan nisbah pembiayaan rumah daripada nilai rumah berdasarkan jumlah rumah dimiliki

Contohnya:

- Rumah pertama: pembiayaan 90% daripada nilai rumah
- Rumah kedua: pembiayaan 70% daripada nilai rumah
- Rumah ketiga: pembiayaan 40% daripada nilai rumah
- Rumah keempat: pembiayaan 10% daripada nilai rumah

Langkah ini mengekang kapasiti spekulator untuk membeli rumah tanpa mengeluarkan modal sendiri untuk bayaran pendahuluan. Dengan pengurangan drastik spekulator hartanah, maka syarikat pembinaan akan mengurangkan harga untuk



memadai kapasiti pembelian bagi golongan yang membeli rumah untuk didiami.

B) Hapuskan duti setem dan kurangkan birokrasi jual beli rumah

Kos jual beli rumah agak tinggi kerana dirumitkan dengan kewujudan pelbagai lapisan cukai seperti S&PA, cukai kerajaan atas perjanjian, cukai setem, caj pertukaran dan sebagainya. Dari segi angka, kos rumah bernilai RM 400,000 dengan jumlah pembiayaan 90% akan menelan sebanyak RM20,000. Walaupun kebanyakan syarikat pemaju mengiklankan bahawa kos jual beli telah diserap oleh pemaju, namun realitinya, harga akhir rumah adalah termasuk kosnya. Dengan kekurangan birokrasi jual beli rumah, maka harga akhir rumah akan kurang sebanyak 5% serta menggalakkan pembelian rumah daripada stok pelabur hartanah.

C) Cukai terhadap rumah kosong

Kapasiti spekulator hartanah untuk menyimpan rumah kosong demi mengaut untung modal sedang melonjakkan harga rumah dan sewa rumah. Rentetan itu, rumah tanpa penghuni harus dicukai berdasarkan lokasi, jenis dan saiz rumah. Apabila golongan spekulator ini terasa bahang cukai tinggi, maka rumah kosong akan dijual atau disewa pada kadar rendah untuk mengurangkan beban cukai. Trend pembelian rumah percutian di bandar akan terjejas dan purata sewa di kota akan menurun.

D) GLC: Membina untuk Malaysia

Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) merupakan pemilik tanah terbesar di Malaysia, seperti Sime Darby, Perbadanan Putrajaya Berhad, UEM, SP Setia dan lain-lain lagi. Pada asalnya tujuan

kewujudan GLC adalah untuk mengagihkan sumber kekayaan negara secara adil, namun pada hakikatnya GLC sekarang menitikberatkan projek perumahan mewah di luar kemampuan kelas pekerja. Kerajaan Persekutuan seharusnya menguatkuasakan kuota rumah mampu milik dalam projek perumahan GLC dan menggalakkan subsidi dalaman di mana untung rumah mewah digunakan untuk mensubsidikan rumah mampu milik.

E) Kekangan terhadap pembelian hartanah oleh warga asing

Projek perumahan mega seperti Forest City Johor, persisiran Pulau Pinang dan di ibu negeri menjadi rebutan pelabur asing bukan ekspatriat sama ada sebagai “rumah percutian/transit” atau trofi hartanah. Malaysia seharusnya meletakkan kekangan ketat terhadap mereka seperti:

- Menaikkan harga lantai nilai hartanah yang boleh dibeli daripada RM1 juta kepada USD 1 juta;
- Kurangkan permit untuk rumah maha-mewah di Pulau Pinang, Johor Selatan, Kota Kinabalu, Langkawi, Kuching dan Kuala Lumpur;
- Cukai pembelian terhadap nilai rumah untuk pembeli asing;
- Had pembelian untuk warga Singapura sebanyak sebuah rumah dalam lingkungan 50 km dari sempadan Malaysia-Singapura.

Harga rumah yang tidak realistik merupakan satu bukti yang kukuh kegagalan polisi ekonomi pasaran bebas yang digembar-gembur oleh Putrajaya sejak 35 tahun yang lalu. Pelaksanaan langkah yang drastik untuk menjinakkan harga pasaran rumah sedang melawan graviti akibat spekulator. Untuk mengurangkan harga rumah, lebih banyak langkah seperti mengenakan cukai progresif ke atas untung hartanah untuk rumah kedua dan atas. Kesungguhan politik di Malaysia untuk mengawal harga rumah masih diragui walaupun wujudnya banyak mekanisme. ##



Cerita 2 perompak

Cerita ini semata-mata rekaan, dan tidak ada kena-mengena dengan sesiapa yang hidup atau mati. Jika benar-benar berlaku, ia hanyalah semata-mata kebetulan.

Di sebuah tempat, terdapat dua orang perompak. Seorang adalah perompak veteran yang telah merompak untuk 22 tahun. Tetapi selepas dia dah tua sikit, perompak itu telah melepaskan kerja tersebut kepada anak-anaknya. Setelah beberapa tahun kemudian, salah seorang anak buahnya mula menjadi ketua perompak baru. Perompak baru ini dalam masa tujuh tahun sahaja, telah membuat rompakan-rompakan yang besar. Ini telah menjadikan perompak veteran marah. Dia berkata bahawa cara perompak baru ini merompak menyebabkan anaknya susah, manakala ada kalangan rakyat yang mengadu kepadanya kerana perompak baru ini merompak dengan cara sapu bersih. Maka, perompak veteran itu minta perompak baru itu untuk berhenti merompak.

Perompak baru itu pula amat marah kepada perompak veteran. Dia berkata, "zaman kau rompak dulu, aku tidak kata apa-apa pun, malah aku telah bantu kau rompak. Mengapa sekarang kau nak kacau kerjaku? Kamu ni kan sudah bersara." Perompak veteran pula membidas balik, "zaman aku rompak, rakyat tidaklah derita sangat... berbanding dengan zaman kamu ni. Kamu ni

sapu bersih, rakyat menderita." Perompak baru pula mengadu, "zaman kamu tidak ada CCTV, ramai orang tidak nampak kamu rompak tetapi zaman sekarang lain."

Perompak veteran berasa marah terhadap perompak baru. Oleh yang demikian, bersama dengan anaknya, dia mula mengumpulkan orang-orang lain untuk mendesak perompak baru

berhenti merompak. Di kalangan orang baru, ada juga yang baik dan ada juga yang jahat. Ada yang kesian melihat perompak veteran dalam usia yang dah lanjut ini, masih mahu buat kerja dan mereka pun bersamanya. Ada pula yang menyertai perompak veteran hanya kerana dia berpengalaman dan boleh beri tunjuk ajar. Perompak baru pula marah dan berkata rakyat sebenarnya

suka padanya dan dia akan meminta rakyat saja putuskan siapakah yang mereka lebih suka.

Jadi, rakyat di tempat itu kemudian diminta membuat pilihan sama ada mereka mahu pilih perompak veteran yang pernah merompak mereka untuk 22 tahun atau perompak baru yang merompak baru 8 tahun. Maka, mereka pun berkempen kepada rakyat jelata. Antara fokus utama kempen adalah siapa rompak lebih dan siapa rompak kurang. Rakyat pula terpaksa memilih antara dua perompak ini, siapa yang kurang merompak. Siapakah perompak yang lebih boleh dipercayai?

Di kalangan rakyat itu, ada seorang budak mentah. Dia bertanya, mengapa rakyat kena pilih antara dua perompak? Apakah bezanya seorang perompak veteran dengan perompak baru? Maka budak itu marah dan terus tunjuk tangan penumbuk kirinya ke langit. Dia melaungkan sudah tiba masanya rakyat memilih seorang calon yang bukan perompak. Maka, rakyat mulalah berfikir... ##



Orang Asli Ledang pertahan tanah adat daripada ancaman Taman Negara Johor



Pada 27 Februari lalu, wakil Orang Asli dari Ledang, Johor, telah membuat aduan polis di Ibupejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara, untuk mempertahankan tanah adat mereka daripada pencerobohan oleh Taman Negara Johor. Aktivis PSM turut hadir untuk memberi sokongan solidariti.

Aduan tersebut dibuat terhadap Syarikat Zia Maju Enterprise dan Perbadanan Taman Negara Johor, atas sebab kedua-dua pihak ini hendak meneruskan kerja pembinaan tembok di kawasan wilayah adat Orang Asli di Gunung Ledang.

Terdapat lebih 500 Orang Asli menghuni di kawasan berkenaan. Mereka tinggal di Kampung Sungai Mering, Kampung Tanah Gembur dan Kampung Sungai Air Tawas.

Walaupun masyarakat Orang Asli Ledang sudah pun memfailkan kes di Mahkamah Tinggi Johor Bahru pada 10 Januari 2017 dan adanya arahan henti-kerja daripada Kerajaan Negeri Johor yang bertarikh 13 Januari 2017, pihak pemaju Zia Maju Enterprise dan Perbadanan Taman Negara Johor masih meneruskan usaha mereka untuk menceroboh wilayah adat Orang Asli.

Gunung Ledang dan kawasan di sekitarnya dihuni oleh Orang Asli suku kaum Temuan sejak beratus-ratus tahun dahulu. Mereka berpindah randah dalam kawasan ini untuk mencari makanan, membina rumah dan bercucuk tanam. Mereka juga menggunakan sungai-sungai di kawasan ini sebagai bekalan air. Kubur-kubur nenek moyang dan

kawasan-kawasan keramat mereka juga terletak di kawasan ini. Kesemua ini membuktikan bahawa ini adalah Wilayah Adat suku kaum Temuan dan ini tidak boleh dinafikan dengan mengatakan bahawa kawasan ini adalah di bawah Hutan Simpan Gunung Ledang (HSGL).

Projek pembinaan tembok berkenaan hanya diketahui apabila Syarikat Zia Maju mula mengorek tanah di Kampung Tanah Gembur pada 14 November 2016. Perkara tersebut hanya diterangkan kepada OA apabila mereka pergi ke pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) terdekat untuk mendapatkan penjelasan. Ini jelas menunjukkan pencerobohan Wilayah Adat Orang Asli tanpa peduli akan hak-hak mereka.

Beberapa laporan polis mengenai pencerobohan ini telah dibuat oleh Orang Asli pada 16 Disember 2016 dan 27 Disemr 2016. Walaupun Orang Asli membantah pencerobohan oleh Syarikat Zia Maju dan Perbadanan Taman Negara Johor, namun kerja-kerja pembinaan tembok diteruskan dan tembok pagar telah siap dibina di Kampung Tanah Gembur.

Pembinaan tembok dan pos kawalan menyebabkan Orang Asli di kawasan ini sukar menjalani kehidupan seharian mereka. Antaranya:

- i. kesukaran mengeluarkan hasil hutan;
- ii. kesukaran mengendalikan cucuk tanam dan mengeluarkan hasil cucuk tanam. Pembinaan tembok juga telah merosakkan kawasan kebun mereka;
- iii. kesukaran mendapatkan bekalan air seperti akses kepada Sungai Tangkak;
- iv. kesukaran akses kubur-kubur nenek moyang dan kawasan keramat mereka.

Dalam aduan polis yang dibuat pada 27 Februari, Orang Asli di Ledang memohon kerjasama pihak Polis untuk:

1. menasihati Syarikat Zia Maju dan Perbadanan Taman Negara Johor supaya tidak meneruskan kerja-kerja pembinaan tembok dan pos pengawal;
2. menasihati Syarikat Zia Maju dan Perbadanan Taman Negara Johor supaya menghormati arahan henti-kerja yang dikeluarkan oleh Kerajaan Johor pada 13 Januari 2017;
3. menasihati Syarikat Zia dan Perbadanan Taman Negara Johor supaya menghormati kes yang difailkan oleh OA di Mahkamah Tinggi Johor Bahru;
4. menghormati Wilayah Adat suku kaum Temuan di Gunung Ledang;
5. masuk campur mengawal keadaan jika Orang Asli menghentikan kerja-kerja pembinaan tembok;
6. tidak menyebelahi mana-mana pihak sekiranya berlaku pertelingkahan. ##

Pilihanraya Belanda

Belanda telah mengadakan pilihanraya umum pada 15 Mac lalu, untuk memilih kesemua 150 kerusi Dewan Perwakilan Rakyat Parlimen negara tersebut melalui sistem pengundian perwakilan berkadar (iaitu taburan kerusi yang dimenangi mengikut nisbah undi yang diperolehi secara keseluruhan). Parti berhaluan kanan lampau yang dipimpin oleh Geert Wilders, *Partij voor de Vrijheid* (PVV), tidak dapat memenangi jumlah kerusi yang banyak seperti yang diramalkan sebelum pilihanraya, sekali gus menyekat kemaraan golongan sayap kanan lampau di Belanda. Ini telah meredakan sedikit kebimbangan tentang kebangkitan politik sayap kanan lampau yang bersifat rasis, xenofobia dan islamofobia di Eropah. Seperti negara-negara Eropah yang lain sekarang ini, politik yang semakin menghalu ke sayap kanan di bawah krisis kapitalis global; sementara itu, golongan kiri masih belum lagi mencapai kejayaan yang besar.

Parti berhaluan kiri, Parti Kiri Hijau (GroenLinks) telah menjadi pemenang terbesar dalam pilihanraya umum Belanda kali ini apabila berjaya mencatat keputusan terbaik dalam sejarah parti tersebut.

Parti anggota kerajaan campuran yang memerintah sebelum ini, *Volkspartij voor Vrijheid en Democratie* (VVD), sebuah parti yang berhaluan kanan, yang dipimpin oleh Mark Rutte yang menyandang jawatan Perdana Menteri, masih kekal sebagai parti yang terbesar dalam parlimen. Namun, jumlah 33 kerusi yang dimenangi VVD kali ini telah berkurangan sebanyak 8 kerusi berbanding pilihanraya umum pada tahun 2012. Peratusan undi popular VVD juga jatuh sebanyak 5.3 titik peratusan, menjadi hanya 21.3%. Rutte dan VVD yang dipimpinnya, telah membawa agenda politik dan mengamalkan dasar pentadbiran yang semakin mencondong kepada politik kanan sejak kebelakangan ini, dalam usaha bersaing dengan PVV yang semakin mendapat sokongan melalui retorik politik populisnya. Jadi, VVD di bawah pimpinan Rutte, juga mempermainkan politik rasisme dan anti-Islam untuk meraih sokongan. Kerajaan Rutte juga sering memangsakan golongan pencari suaka di negara Belanda. Sebelum pilihanraya berlangsung, kerajaan Belanda di bawah pimpinan Rutte telah bertelingkah dengan kerajaan Turki apabila kerajaan Rutte menghalau duta besar Turki keluar dari Belanda. Negara Turki juga akan mengadakan pengundian referendum perlembagaan sebulan selepas itu. Pimpinan kedua-dua negara tersebut telah mempergunakan krisis diplomatik antara dua negara ini untuk meraih undi sokongan terhadap pemerintah. Rutte telah berjaya menonjolkan kebolehan sebagai seorang pemimpin yang mampu mempertahankan "kepentingan nasional" Belanda, jauh berkewibawaan berbanding dengan Wilders

Puak Kanan Lampau disekat

yang hanya pandai membuat komen dalam media sosial Twitter.

PVV yang dipimpin oleh Wilder, telah membawa politik populis kanan yang anti-migran, anti-Islam dan mengapi-apikan sentimen perkauman. Seperti puak kanan lampau di Britain, PVV juga menuntut referendum untuk Belanda keluar daripada Kesatuan Eropah (EU). Sokongan terhadap PVV dalam pungutan suara sebelum pilihanraya amat hebat, sehingga menjadikan PVV sebagai pesaing utama kepada VVD. Walau bagaimanapun, prestasi PVV tidak sehebat yang dijangkakan apabila keputusan diumumkan. PVV hanya mendapat peratusan undian sebanyak 13.1%, naik sebanyak 3 titik peratusan berbanding pilihanraya lalu, dan memenangi sebanyak 20 kerusi, bertambah 5 berbanding tahun 2012. Akan tetapi, PVV masih muncul menjadi parti kedua besar dalam parlimen. Rutte telah menolak kemungkinan untuk membentuk kerajaan campuran bersama dengan PVV, maka PVV nampaknya tidak akan berkuasa untuk 5 tahun akan datang. Kemaraan PVV telah disekat untuk ketika ini.

Parti Buruh (PvdA) yang sebelum ini membentuk kerajaan campuran dengan VVD, telah memecahkan rekod pilihanrayanya yang paling teruk yang dicatatkan pada tahun 2002. Kerusi yang diperolehi PvdA telah berkurangan sebanyak 29, menjadikannya hanya menguasai 9 kerusi sahaja pada takat ini. Keputusan ini jauh lebih teruk daripada 23 kerusi yang dimenangi pada tahun 2002. Kekalahan teruk PvdA memang merupakan sesuatu yang dijangkakan dan amat munasabah. Ini merupakan pembalasan kepada PvdA yang menyokong dasar-dasar berhaluan kanan dan mengkhianati idea-idea politik "demokrat sosial". Dalam 4 tahun yang lepas, PvdA yang menggelar dirinya "demokrat sosial" pada hakikatnya mengamalkan dasar-dasar yang neoliberal. Semasa dalam kerajaan campuran pimpinan Rutte, PvdA telah bekerjasama dengan puak berhaluan kanan untuk melaksanakan dasar-dasar yang pro-kapitalis, menjatuhkan lagi kepercayaan golongan pekerja terhadapnya. Pimpinan PvdA telah memegang beberapa jawatan penting dalam Kabinet pimpinan Rutte, termasuklah Jeroen Dijsselbloem yang memegang jawatan Menteri Kewangan. Semasa

menjadi Menteri Kewangan Belanda, Dijsselbloem merupakan penggerak utama untuk dasar penjimatan (pemotongan perbelanjaan kebajikan sosial) dalam EU, salah seorang dalang di sebalik keruntuhan ekonomi di Greece, dan juga penyelia kepada usaha mengurangkan perbelanjaan kerajaan Belanda dalam kesihatan serta perlindungan sosial. Memang padan muka untuk PvdA, atas kekalahan teruknya akibat pengkhianatannya terhadap kelas pekerja.

GroenLinks, sebuah parti berhaluan kiri yang menyokong dasar-dasar mesra alam sekitar, keterangkuman sosial dan simpati terhadap pelarian, telah mencatatkan rekod pilihanraya yang terbaik dalam sejarahnya. Oleh sebab kehancuran diri PvdA, GroenLinks juga muncul sebagai parti berhaluan kiri yang terbesar dalam Parlimen Belanda. GroenLinks berjaya meraih sebanyak 9.1% undi (bertambah sebanyak 6.8 titik peratusan), dan memenangi sebanyak 14 kerusi, peningkatan sebanyak 10 kerusi. Peningkatan dari segi peratusan undian yang diperolehi dan kerusi yang dimenangi oleh GroenLinks, adalah paling tinggi antara semua parti politik yang bertanding dalam pilihanraya kali ini.

GroenLinks ditubuhkan pada tahun 1989, hasil daripada penggabungan antara Parti Komunis Belanda, Parti Sosialis Perdamaian, Parti Politik Radikal dan Parti Rakyat Evangelical. GroenLinks telah mengoptimalkan penggunaan media sosial dalam publisiti pilihanraya, tambahan pula dengan pengolahan semula parti tersebut kepada politik kiri asalnya, GroenLinks berjaya mendapat sokongan ramai. Pemimpin GroenLinks, Jesse Klaver, hanya berumur 30 tahun, menonjolkan imej anak muda yang penuh bersemangat untuk membawa perubahan, sehingga mewujudkan harapan baru untuk politik Eropah yang diselubungi oleh ancaman politik kanan lampau pada ketika ini. Sebelum hari mengundi, GroenLinks telah mengadakan rapat umum yang dihadiri ramai orang, sesuatu yang jarang berlaku di Belanda. Ini menunjukkan bahawa rakyat biasa Belanda masih menyokong politik kiri, dan ini juga merupakan harapan sebenar untuk menyekat kemaraan puak kanan lampau.

Klaver telah menjadi ahli parlimen sejak umur 24 tahun. Selepas beliau

dipilih menjadi Pemimpin Utama GroenLinks pada tahun 2015, keanggotaan parti tersebut bertambah secara mendadak, iaitu seramai 7000 orang menyertai GroenLinks, dengan separuh ahli baru berumur 30 tahun ke bawah. Klaver merupakan simbol politik yang bertentangan sepenuhnya dengan Wilders. Klaver pernah menegaskan banyak kali bahawa populisme kanan lampau yang dibawa oleh Wilders, adalah ancaman sebenar kepada budaya dan tradisi Belanda yang bersifat kepelbagaian, bukannya migran muslim.

Satu lagi parti berhaluan kiri, Parti Sosialis (SP) yang dipimpin oleh Emile Roemer, gagal mengambil kesempatan kekalahan teruk PvdA untuk mencipta kejayaan cemerlang. SP juga memperoleh undi sebanyak 9.1%, kurang sebanyak 0.6 titik peratusan, dan mendapat 14 kerusi, kurang 1 kerusi berbanding pilihanraya lalu. SP pernah mencatatkan pencapaian politik yang memberangsangkan atas usaha kerja-kerja kawasan yang konkrit. Namun, selepas SP mencipta kejayaan kemuncaknya pada tahun 2006 (apabila memenangi 25 kerusi dalam Parlimen), pengaruhnya tidak lagi berkembang luas. SP pada takat ini menghadapi cabaran dalaman untuk memperbaharui dan mendemokrasikan organisasinya.

Parti-parti berhaluan kiri yang lain tidak menang banyak kerusi. Parti Sayang Binatang (PvdD) mendapat 5 kerusi; Parti DENK yang berpecah daripada PvdA kerana tidak bersetuju dengan pendirian PvdA yang bersifat rasis, memperoleh 3 kerusi. 29 kerusi dikuasai PvdA sebelum ini yang hilang daripada tangan PvdA dalam pilihanraya kali ini, tidak semuanya pergi kepada parti berhaluan kiri. Sejumlah 14 kerusi yang sepatutnya dikuasai golongan kiri telah "lesap" begitu sahaja. Oleh yang demikian, Belanda akan terus diperintah oleh kerajaan campuran yang berhaluan kanan untuk beberapa tahun yang akan datang, dengan memperlihatkan lebih banyak lagi dasar-dasar yang menghakis sistem negara kebajikan, memberi lebih kuasa kepada golongan korporat dan juga mengancam kepelbagaian budaya.

Golongan kiri di Belanda tidak dapat memperoleh lebih sokongan dalam keadaan krisis ekonomi kapitalis dan kemunculan ancaman puak kanan lampau, adalah disebabkan rakyat Belanda tidak begitu aktif secara politik berbanding negara Greece dan Sepanyol. Perkembangan politik kiri memerlukan rakyat biasa yang aktif melibatkan diri dalam politik dan perjuangan rakyat. Kesedaran kelas hanya dapat dibentuk melalui organisasi dan mobilisasi rakyat untuk memperjuangkan keadilan sosial. Oleh itu, adalah menjadi cabaran kepada gerakan kiri di Eropah dan juga tempat lain untuk membina keaktifan politik rakyat dan mengorganisasi untuk perjuangan kelas. ##





(sambung dari edisi Mac-Apr 2017)

Selepas berlakunya Revolusi Industri, pasaran modal kewangan diperluaskan lagi. Selain daripada lapisan sosial pada zaman awal kapitalisme (tuan tanah, peniaga, pengusaha kraf, pegawai kerajaan, golongan yang merentir dan sebagainya), penawaran dan permintaan untuk modal kewangan juga wujud pada jentera pengeluaran kapitalis itu sendiri. Modal matawang adalah titik permulaan dan titik akhir dalam kitaran modal. Kapitalis sentiasa perlu matawang tambahan untuk pembaharuan modalnya demi memaksimumkan keuntungan.

Peranan pengusaha bank adalah memindahkan dan memusatkan modal sosial. Skop peranan ini tidak terhad kepada kelas kapitalis, tetapi bank juga berfungsi memusatkan simpanan matawang semua orang (termasuklah tuan tanah, petani, tukang, kakitangan kerajaan, pekerja dan sebagainya).

Dengan pasaran modal matawang semakin menuju kepada pengkhususan, wujudnya dua jenis pasaran yang berbeza:

- Pasaran matawang** – iaitu pasaran pembekalan dan permintaan untuk kredit jangka masa pendek, dikawal oleh bank.
- Pasaran kewangan** – iaitu pasaran pembekalan dan permintaan untuk kredit jangka masa panjang. Pada awalnya dikuasai oleh bank dan bursa saham, kemudiannya syarikat insurans, persatuan perumahan dan

oleh Nik Aziz Afiq

Tak kenal maka tak cinta, itu peribahasa Melayu lama yang masih segar digunakan sehingga kini. Namun, ideologi yang diasaskan Karl Marx dan Friedrich Engels melalui tulisan seperti Das Kapital pada 150 tahun lalu, bukan sahaja kurang dikenali di negara kita, malah selalu diberikan pengenalan salah oleh mereka yang memusuhi ideologi ini. Begitulah malang nasib kebanyakan kita, pertamanya tak kenal, keduanya apabila nak kenal diberi pula pengenalan yang salah.

Kadangkala pengenalan salah itu sengaja diberikan kerana ingin menyelindungi perkara sebenar, tetapi ramai juga sebenarnya termasuklah di kalangan agamawan memberikan pengenalan salah dengan tidak sengaja hanya kerana mereka malas mengkaji ideologi ini dari penyusunnya sendiri dan memberikan sangkaan-sangkaan buruk mereka walaupun itu tidak disentuh langsung ideologi ini. Ironinya, mereka mengajak orang yang salah faham terhadap agama untuk mengkaji dari asas, tetapi dalam perkara seperti ideologi, mereka tidak pula mengkaji dari asas. Mereka tidak berlaku adil!

Oleh itu, bagi mereka yang sebelum

Apa itu kredit?

insituti kemudahan simpanan (seperti tabung pencen, tabung pengangguran dan sebagainya) juga terlibat dalamnya. Tujuannya adalah menukarkan semua pendapatan matawang yang tidak digunakan secara segera kepada modal.

Kewujudan pasaran kewangan membolehkan pemusatan modal matawang itu mencapai kemuncaknya. **Bank memastikan semua modal boleh menghasilkan faedah, setitis pun tidak boleh dibiarkan.**

Kapitalis dan institusi kredit menggunakan bentuk seperti saham dan bon, untuk melaburkan modal matawang dalam syarikat pemegang saham, tujuannya adalah mendapatkan kadar faedah purata daripada pinjaman ini. Mereka mendapat jaminan faedah daripada bon dan sekuriti yang ada pendapatan tetap. Dalam seluruh saham itu sendiri, jumlah faedah yang diperoleh bergantung pada berapa keuntungan yang dijana daripada pelaburan itu, di mana faedah itu dikenali sebagai dividen.

“Bursa saham bukannya institusi di mana borjuasi mengeksploitasi pekerja, malah ia adalah institusi untuk mereka mengeksploitasi sesama sendiri. Nilai surplus yang dipindahmilik dalam bursa saham adalah nilai surplus yang sedia ada, adalah hasil pemerasan pekerja yang lalu. Hanya dengan menyempurnakan

pengeksploitasian yang sebegitu, nilai surplus baru dapat berkhidmat untuk penipuan dalam bursa saham.” – Friedrich Engels, dalam suratnya kepada August Bebel, 24 Januari 1893.

Sistem kredit kewangan telah memperluaskan tapak aktiviti modal, membolehkan sebarang matawang simpanan yang terbiar dijadikan modal. Sistem kredit memudahkan, mempercepatkan dan mensejagatkan peredaran komoditi. Kredit merangsang pengeluaran kapitalis, merangsang pemusatan modal dan persaingan antara modal. Kredit telah merangsangkan pelbagai trend dalam perkembangan sistem kapitalis.

Kredit juga mengubah kelas borjuasi itu sendiri. Perkembangan pasaran kewangan telah mewujudkan pemisahan antara golongan kapitalis yang parasitik dengan kapitalis yang melabur dalam pengeluaran.

Kapitalis yang parasitik tidak melaburkan modal untuk pengeluaran, tetapi melaburkan modal dalam pasaran kewangan yang tidak mengeluarkan apa-apa komoditi untuk mendapatkan keuntungan yang lumayan. Golongan kapitalis ini hidup dengan bergantung semata-mata pada modal yang dimilikinya sahaja, dan untuk berbuat demikian, mereka dikecualikan sepenuhnya daripada proses pengeluaran, dikecualikan daripada hubungan secara langsung dengan mesin dan tenaga buruh yang bekerja.

(Bahagian 2)

Apabila wujudnya syarikat pegangan saham, pemilikan modal secara swasta telah menjadi semakin objektif dan abstrak. Penguasaan modal berlaku dalam bentuk yang paling umum dan paling tanpa nama (*anonymous*), iaitu secara luarannya, yang melakukan eksploitasi ke atas pekerja itu bukan lagi kapitalis perseorangan yang nyata, tetapi adalah kuasa ekonomi tanpa wajah sebenar yang dikenali dengan sinonim “syarikat” dan “syarikat berhad”.

Sistem kredit membolehkan pengeluaran diperluaskan tanpa mengambil kira secara langsung kapasiti penyerapan pasaran. Kredit telah menyembunyikan hubungan sebenar antara kapasiti pengeluaran dan kapasiti kepenggunaan yang mampu bayar. Kredit memintas kuasa beli yang sebenar untuk merangsang peredaran komoditi dan kepenggunaan komoditi, maka dapat menanggukkan kedatangan krisis ekonomi secara kitaran tetapi tidak dapat mengatasi krisis kapitalis, malah memburukkan lagi faktor-faktor yang tidak seimbang, sehingga krisis akan meletus dengan lebih hebat lagi.

Kredit hanya menyebabkan dua fungsi asas matawang (cara peredaran dan cara pembayaran) semakin dipisahkan, menjadikan pemisahan asas antara peredaran komoditi dengan peredaran matawang yang merealisasikan nilai tukar itu semakin mendalam. Kontradiksi ini merupakan punca utama dan paling biasa untuk krisis kapitalis. ##

Tak kenal maka tak cinta

3 perkara asas untuk mengenali Marxisme (Bahagian 1)

ini tak kenal ataupun diberi pengenalan salah terhadap Marxisme, salam perkenalan diucapkan! Artikel ini cuba seadanya menjadi artikel ringkas dan lebih ringan untuk mereka yang sudi berkenalan dengan Marxisme.

Secara amnya, falsafah Marxisme adalah falsafah perjuangan kelas pekerja untuk menumbangkan Kapitalisme. Bagaimana Kapitalisme dapat ditumbangkan? Melalui Sosialisme! Sejak diperkenalkan 150 tahun dulu, falsafah ini menjadi falsafah yang dominan dalam perjuangan pekerja sama ada secara langsung atau tidak.

Apa kau ingat yang kita dapat kerja maksimum 8 jam sehari, dapat rasa beberapa faedah lain, gaji atas paras gaji minimum tu datang bergolek ke? Itu semua hasil perjuangan pekerja yang terdahulu tau. Kalau tak ada perjuangan pekerja yang dulu alamat kau memeraplah dalam tempat kerja lebih 12 jam, cuti sehari je seminggu,

tak ada faedah-faedah lain dan nikmati gaji rendah ikut suka hati majikan kau. Tanpa falsafah Marxisme ini, pekerja hanyalah alat, bukan manusia. Faham?

Oleh sebab falsafah ini untuk perjuangan pekerja, maka Karl Marx kerahkan fikiran dia susun falsafah ni bukan untuk orang yang intelektual atau kelompok terpelajar, tetapi untuk digunakan semua kaum pekerja dalam perjuangan mereka. Maksudnya, kalau kau rasa kau bukan pakar falsafah, bukan di kalangan intelektual untuk faham idea yang besar-besar, dapat keputusan E dalam Ekonomi Asas SPM dulu sekalipun kau boleh faham Marxisme ni apa. Orang yang tak faham ialah orang yang sengaja tak nak faham.

Marxisme ni nama lain kepada Materialisme Dialektik. Dialektik dan Materialisme ni dua falsafah yang dikembangkan ahli-ahli falsafah Barat dan Timur. Marx telah menyatukan dua falsafah ini, disintesisasikan lalu

akhirnya terjadilah gabungan bernama Materialisme Dialektik. Untuk faham apa kejadahnya Marxisme ni, kita kena faham 3 perkara asas.

1. Materialisme Dialektik (*Dialectical Materialism*)
2. Materialisme Sejarah (*Historical Materialism*)
3. Ekonomi Marx (Marxist Economy) bukan Maxis yang 012 tu la!

Dah pening dah? Banyak nama baru yang menyerabutkan? Materialisme tu apa pulak? Dialektik tu apa? Tak apa, kita sambung pulak tulisan selanjutnya.

(akan bersambung)



Jangan tangguh lagi

Laksanakan Skim Insurans Pekerjaan sekarang

Lebih 200 orang pekerja dan aktivis Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah mengadakan aksi di hadapan Parlimen pada 29 Mac lalu, untuk menyerahkan kad tuntutan kempen Tabung Pemberhentian Kerja kepada Kerajaan dan menyatakan sokongan kepada pelaksanaan Skim Insurans Pekerjaan (SIP).

Skim Insurans Pekerjaan merupakan satu langkah yang penting dan perlu diambil segera untuk menjamin kebajikan pekerja yang diberhentikan kerja apabila syarikat bankrap ataupun masa krisis ekonomi.

Aksi pada 29 Mac lalu merupakan kemuncak kempen menuntut Tabung Pemberhentian Kerja yang diterajui oleh PSM untuk selama 2 tahun kebelakangan ini. PSM telah menjelajah ke seluruh negara untuk membawa mesej tuntutan pelaksanaan skim yang melindungi

pekerja yang hilang kerja dan mengutip tandatangan kad tuntutan.

Menteri Sumber Manusia, Richard Riot, sendiri telah berjumpa dengan delegasi PSM dan pekerja pada 29 Mac untuk menerima kad tuntutan berserta dengan tandatangani menyokong pelaksanaan Skim Insurans Pekerjaan. Dalam pertemuan tersebut, Richard Riot memberi jaminan bahawa rang undang-undang (RUU) berkenaan dengan SIP akan dibentang dalam Parlimen pada pertengahan tahun ini, dan SIP akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2018.

Menteri Sumber Manusia Richard Riot juga memberitahu bahawa sejumlah RM 60 juta telah disumbangkan oleh Kerajaan untuk memulakan tabung ini yang akan dikendalikan oleh PERKESO.

Skim Insurans Pekerjaan merupakan satu hasil kejayaan kempen PSM dalam menuntut pelaksanaan Tabung Pemberhentian Kerja dan juga kemenangan untuk perjuangan pekerja.

Walau bagaimanapun, PSM akan terus mendesak pihak kerajaan supaya skim ini dilaksanakan dengan kadar segera. Kerajaan sepatutnya membentangkan RUU berkenaan dengan SIP dalam sidang parlimen yang sedang berjalan ini, tetapi sekarang diberitahu telah ditangguhkan ke sidang parlimen pertengahan tahun ini. Pelaksanaan pada tahun 2018 juga merupakan satu tempoh yang agak lama. Kertas kerja untuk skim ini sudahpun disiapkan, maka memang RUU berkenaan dengan SIP boleh



dibentangkan sekarang juga kecuali masih ada halangan daripada pihak-pihak yang tidak mahu melihat pelaksanaan sesuatu dasar yang melindungi kepentingan pekerja.

Jangan tangguh lagi. Laksanakan Skim Insurans Pekerjaan sekarang juga! ##



ALTERNATIF KIRI **PILIHAN RAKYAT**

Memperkasa Rakyat

Merakyatkan Demokrasi

Mendemokrasikan Ekonomi

Mensejahterakan Masyarakat

Menegakkan Keadilan

Melestarikan Pembangunan

Melindungi Alam Sekitar

Ikuti Akhbar Sosialis di

psm.sosialis

Sosialis

KUIZ PEKERJA

1. Apakah tarikh terakhir bagi pembayaran gaji yang ditentukan dalam Akta Kerja 1955?
2. Bolehkah tarikh berkenaan dilanjutkan?

(Jawapan di m/s 7)

Sudut Komik

**Macam mana
nak pilih ni?**

CK 2017